

Laporan

**TINGKAH LAKU PENGUNDIAN DALAM PILIHAN RAYA:
SATU KAJIAN DI KAWASAN PARLIMEN PERMATANG PAUH,
PULAU PINANG**

(USM 304/PSOSIAL/63811PSOSIAL 638118)

Sivamurugan Pandian

BAB 3	KAEDAH PENYELIDIKAN	
3.1	Pengenalan	24
3.2	Skop Kajian	24
3.3	Kaedah Penyelidikan	25
3.4	Sampel Kajian	25
3.5	Peralatan Kajian	26
3.6	Profil Responden	26
	3.6.1 Jantina	26
	3.6.2 Umur	27
	3.6.3 Kaum	27
	3.6.4 Tahap Pendidikan	27
	3.6.5 Jenis Pekerjaan	27
	3.6.6 Tahap Pendapatan	28
3.7.1.1	Kesimpulan	28
BAB 4	FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI TINGKAH LAKU PENGUNDIAN DI PERMATANG PAUH	
4.1	Pengenalan	29
4.2	Faktor Calon	30
	4.2.1 Hubungan Antara Faktor Demografi Responden Dengan Faktor Calon Sebagai Penentu Tingkah Laku Pengundian	31
	4.2.1.1 Jantina	31
	4.2.1.2 Umur	31
	4.2.1.3 Kaum	32

4.2.1.4	Tahap Pendidikan	32
4.2.1.5	Jenis Pekerjaan	33
4.2.1.6	Pendapatan	33
4.3	Faktor Parti	33
4.3.1	Hubungan Antara Ciri Demografi Responden Dengan Faktor Parti Sebagai Penentu Tingkah Laku Pengundian	34
4.3.1.1	Jantina	34
4.3.1.2	Kaum	34
4.3.1.3	Umur	35
4.3.1.4	Taraf Pendidikan	35
4.3.1.5	Jenis Pekerjaan	36
4.3.1.6	Pendapatan	36
4.4	Faktor Etnik	36
4.4.1	Hubungan Antara Ciri Demografi Responden Dengan Faktor Etnik Sebagai Penentu Tingkah Laku Pengundian	37
4.4.1.1	Jantina	37
4.4.1.2	Umur	38
4.4.1.3	Kaum	38
4.4.1.4	Tahap Pendidikan	38
4.4.1.5	Jenis Pekerjaan	39
4.4.1.6	Pendapatan	39
4.5	Faktor Isu/Masalah	39
4.5.1	Isu-Isu Utama Yang Dibincangkan	40
4.5.2	Hubungan Antara Ciri Demografi Responden Dengan	

	Faktor Isu/Masalah Sebagai Penentu Tingkah Laku Pengundian	41
4.5.2.1	Jantina	41
4.5.1.2	Umur	42
4.5.1.3	Kaum	42
4.5.1.4	Tahap Pendidikan	42
4.5.1.5	Jenis Pekerjaan	43
4.5.1.6	Pendapatan	43
4.6	Faktor Wang	44
4.7	Modul Tingkah Laku Pengundian Di Permatang Pauh	44
4.8	Faktor-Faktor Yang Akan Mempengaruhi Tingkah Laku Pengundian Pada Pilihan Raya Akan Datang	46
BAB 5	KESIMPULAN	49
	BIBLIOGRAFI	52

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pengenalan

Pilihan raya merupakan salah satu komponen penting bagi negara yang mengamalkan sistem pemerintahan demokrasi. Ia merupakan saluran utama rakyat melibatkan diri dalam proses politik negara. Pilihan raya memberi peluang kepada rakyat untuk memilih pemimpin yang akan memperjuangkan kepentingan dan aspirasi mereka. Pilihan raya juga membolehkan rakyat menentukan corak pemerintahan yang diinginkan, kerana setiap calon atau parti yang bertanding mempunyai ideologi dan prinsip pemerintahan yang tersendiri. Pilihan raya merupakan medan bagi rakyat memberi keabsahan kepada sekelompok individu untuk memerintah negara berdasarkan bentuk pemerintahan yang telah dipersetujui. Amalan ini menjadikan sistem demokrasi sebagai pemerintahan yang unik berbanding sistem pemerintahan lain.

Malaysia merupakan salah sebuah negara yang mengamalkan sistem pemerintahan demokrasi dan pilihan raya di Malaysia telah dijalankan sejak tahun 1959. Pilihan raya di Malaysia boleh dibahagikan kepada dua peringkat, iaitu pilihan raya parlimen dan pilihan raya negeri. Dalam pilihan raya parlimen, rakyat diberi tanggungjawab untuk memilih kerajaan di peringkat pusat dan sekaligus wakil mereka di Parlimen atau Dewan Rakyat. Dalam pilihan raya parlimen, mana-mana parti yang mendapat sekurang-kurangnya 50% daripada

jumlah kerusi yang dipertandingkan akan layak memerintah. Namun untuk mendapat kerajaan yang stabil dan kuat, sesebuah parti harus mendapat dua pertiga kerusi di Dewan Rakyat.

Tahun 2008 merupakan tahun yang akan sentiasa diingati oleh mereka yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam politik negara terutamanya ahli-ahli Barisan Nasional. Tsunami politik yang melanda Barisan Nasional (BN) dalam Pilihanraya Umum (PRU) 2008 telah mengejutkan banyak pihak. Selain tumbang di lima buah negeri, BN juga telah hilang dua pertiga kerusi di Parlimen. Begitu juga kejutan yang berlaku kepada pemimpin-pemimpin tertinggi dalam parti komponen BN yang juga telah tewas di kawasan masing-masing.

1.2 Permasalahan Kajian

Tingkah laku pengundian adalah bidang kajian yang penting dalam menganalisis sesebuah pilihan raya. Kajian seperti ini amat penting dalam mengenalpasti corak pengundian rakyat dalam memilih wakil mereka dalam pilihan raya yang diadakan. Kebanyakan kajian tingkah laku pengundian yang dijalankan sebelum ini lebih bersifat kualitatif walhal inti pati asas kajian tingkah laku adalah berbentuk kuantitatif, (Neilson, 2002). Selain itu, tingkah laku pengundian juga merupakan konsep penting dalam membincangkan penglibatan rakyat dalam sistem demokrasi pilihan raya dalam negara.

Terdapat pelbagai faktor yang dikatakan mempengaruhi undi pengundi dalam membuat pilihan ketika pilihan raya. Faktor-faktor ini penting kepada calon dan juga parti yang bertanding bagi meraih undi rakyat untuk mengundi mereka. Penglibatan rakyat secara keseluruhannya dalam proses pilihan raya membuatkan calon dan parti yang bertanding berlumba-lumba mengeluarkan isu dan perkara yang dapat membantu meningkatkan sokongan rakyat kepada mereka. Selain itu, isu-isu yang dibangkitkan juga secara tidak langsung dapat membantu menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh rakyat ketika menjelang pilihan raya. Keberkesanan calon atau parti yang bertanding dalam memutarakan isu bagi menarik undi rakyat akan dapat dilihat dalam kempen pilihan raya yang dijalankan dan ini akan menimbulkan lebih banyak isu atau faktor yang mungkin tidak pernah timbul sebelum pilihan raya diadakan.

1.3 Latar Belakang Kajian

Permatang Pauh atau P.044 adalah salah satu kawasan parlimen yang terletak di Pulau Pinang. Di bawah Parlimen Permatang Pauh ini terdapat tiga kawasan DUN iaitu N.10 Seberang Jaya, N.11 Permatang Pasir, N.12 Penanti. Secara keseluruhannya, kawasan Permatang Pauh mempunyai kepadatan penduduk sebanyak 86,548. Pada Pilihan Raya Umum 2008, sebanyak 58,459 orang yang layak mengundi di Permatang Pauh. Populasi pengundi di Permatang Pauh pada Pilihan Raya Umum 2008 adalah seperti berikut iaitu Melayu sebanyak 68% atau 39,752, Cina sebanyak 25% atau 14,614, India sebanyak 6.7% iaitu 3,917, dan lain-lain sebanyak 0.3% iaitu 176 orang.

Jadual 1.1: Latar Belakang Kawasan Parlimen Permatang Pauh & DUN

Parlimen / DUN	Kawasan	Jumlah Pengundi Berdaftar	Pecahan Pengundi Mengikut Kaum
Parlimen	P.044 Permatang Pauh	58,459	Melayu (67.7%) Cina (26.3%) India (5.7%) Lain-lain (0.3%)
DUN	N.10 Seberang Jaya	21,940	Melayu (63.0%) Cina (24.7%) India (11.8%) Lain-lain (0.5%)
	N.11 Permatang Pasir	19,681	Melayu (70.4%) Cina (27.7%) India (1.8%) Lain-lain (0.1%)

	N.12 Penanti	16,838	Melayu (70.1%) Cina (26.7%) India (2.7%) Lain-lain (0.5%)
--	--------------	--------	--

Sumber: Suruhanjaya Pilihan Raya (2008)

Pada Pilihan Raya Umum 2008, kerusi P.044 Permatang Pauh ini telah disandang oleh wakil daripada PKR. Ini adalah rentetan daripada kemenangan yang bermula sejak Pilihan Raya Umum 1999 dan 2004. Perkara yang ingin dibincangkan dalam kajian ini adalah berkenaan dengan isu-isu yang mempengaruhi tingkah laku pengundian di kalangan pengundi terutamanya di kalangan pengundi di kawasan DUN Penanti, DUN Seberang Jaya, dan DUN Permatang Pasir, Permatang Pauh dalam menentukan wakil rakyat mereka pada Pilihan Raya 2008. Perbezaan pendapat dan perwatakan dalam ideologi mengenai politik telah membawa kepada satu bentuk corak politik yang berbeza di kalangan pengundi. Namun demikian, isu yang dibawa oleh parti dan calon yang bertanding dikatakan menjadi pendorong utama untuk mendapatkan undi daripada pengundi.

Sejak pilihan raya 1999 sehingga pilihan raya 2008, parlimen P.044 iaitu Permatang Pauh ialah satu kawasan yang sentiasa menjanjikan saingan yang sengit antara parti-parti politik yang bertanding. Bagi peringkat parlimen, terdapat pertandingan dua penjuror pada Pilihan Raya Umum 1999, 2004, dan 2008 iaitu

antara Parti Barisan Nasional (BN) dengan Parti Keadilan Rakyat (PKR). Bagi peringkat Dewan Undangan Negeri (DUN), terdapat tiga DUN dalam Parlimen P.044 Permatang Pauh iaitu DUN N.10 Seberang Jaya, N.11 Permatang Pasir, dan N.12 Penanti. Bagi N.10 Seberang Jaya, pertandingan melibatkan dua buah parti juga iaitu antara BN dengan PKR, N.11 Permatang Pasir antara BN dengan Parti Islam Malaysia (PAS), dan N.12 Penanti juga antara BN dengan PKR.

Jadual 1.2: Keputusan Pilihan Raya Umum 1999, 2004 & 2008 Permatang Pauh

Parlimen / DUN	Tahun	Calon	Jumlah Undi	Majoriti
P.044 Permatang Pauh	1999	Datin Deri Wan Azizah Wan Ismail (PKR)	23,820	9,077
		Datuk Dr Ibrahim Saad (BN)	14,743	
P.044 Permatang Pauh	2004	Datin Deri Wan Azizah Wan Ismail (PKR)	21,737	590
		Datuk Pirdaus Ismail (BN)	21,147	
P.044 Permatang Pauh	2008	Datin Deri Wan Azizah Wan Ismail (PKR)	30,338	13,338
		Datuk Pirdaus Ismail (BN)	16,950	

Sumber: Suruhanjaya Pilihan Raya 2008

Jika dilihat dari jadual 1.2, majoriti undi yang diraih oleh Datin Seri Wan Azizah Wan Ismail pada pilihan raya 1999 menurun pada pilihan raya 2004. Pada pilihan raya 1999, beliau meraih majoriti sebanyak 9,077 manakala pada tahun 2004 beliau hanya mendapat majoriti sebanyak 590 undi sahaja. Ini sedikit sebanyak berkait rapat dengan isu yang dikaitkan ketika 1999 iaitu isu Datuk Seri Anwar Ibrahim namun pada 2004, mungkin isu itu telah reda dan pengundi banyak melihat kepada faktor lain yang dapat mempengaruhi undi mereka dan pada ketika itu isu yang sering dimainkan adalah isu pembangunan, kenaikan harga barang serta perubahan yang diinginkan oleh rakyat sendiri.

Namun demikian, pada tahun 2008 majoriti undi yang diperolehi oleh Wan Azizah kembali meningkat dan jumlah ini lebih besar daripada tahun 1999 dan 2004. Pelbagai isu dan faktor yang dikatakan mendorong kepada kemenangan besar Presiden PKR di kubu kuat mereka ini. Pelbagai isu yang dikupas sepanjang kempen PRU 2008 di Permatang Pauh ini. Selain daripada kekuatan kedua-dua calon dan parti yang bertanding, isu yang dibangkitkan tetap dikatakan pengaruh utama yang membuatkan rakyat mengundi.

1.4 Objektif Kajian

Objektif utama kajian ini adalah untuk mencari dan mengaitkan faktor-faktor yang dikatakan mempengaruhi entiti pengundian para pengundi terutamanya untuk memilih wakil mereka pada pilihan raya terutamanya bagi kerusi Parlimen.

1.4.1 Objektif Khusus

- Memahami dan mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi responden untuk mengundi pada PRU ke-12.
- Mendalami isu-isu semasa dalam negara yang menjadi bualan dan perbincangan masyarakat setempat pada ketika itu yang dikatakan menjadi salah satu faktor pengundian.
- Mengkaji tentang persepsi responden mengenai PRU ke-13 serta faktor-faktor yang akan mempengaruhi undi mereka ketika itu.

1.5 Persoalan Kajian

- Apakah faktor yang mempengaruhi pengundian pada PRU ke-12 Parlimen Permatang Pauh?
- Bagaimanakah isu yang dimainkan dapat mempengaruhi tingkahlaku pengundian pengundi di Permatang Pauh?
- Apakah pandangan responden mengenai faktor yang akan mempengaruhi tingkah laku pengundian pada PRU ke-13?

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini menghuraikan tentang faktor-faktor yang dikatakan mempengaruhi tingkah laku pengundian pengundi-pengundi terutamanya di Permatang Pauh. Tingkah laku pengundian ini sering dikaitkan dengan beberapa faktor dan antaranya ialah calon, etnik, parti, wang, dan juga isu semasa. Faktor-faktor ini agak penting kerana boleh mempengaruhi undi serta entiti tingkah laku

pengundi dalam menentukan calon pilihan mereka. Ini juga sebagai langkah awal penentu dan hala tuju barisan kepimpinan negara yang diingini oleh rakyat. Selain itu, pelbagai persepsi mengenai isu yang dibangkitkan oleh calon atau parti yang bertanding dapat memberi peluang kepada pengundi untuk menilai dan memilih wakil rakyat yang dirasakan layak bagi mereka.

1.7 Kesimpulan

Pengundi boleh diibaratkan seperti pengguna dalam membuat pilihan untuk membeli sesuatu barangan. Ini kerana jika barang yang dijual adalah baik, berkualiti, dan seperti diingini oleh pengguna, maka pengguna tidak teragak-agak untuk membeli barangan tersebut. Bagi seseorang pengundi, pola tingkah laku pengundian mereka akan bergantung kepada isu atau faktor yang dapat menarik perhatian mereka dalam menilai dan memilih wakil yang layak untuk menjadi pemimpin di kawasan mereka. Kepelbagaian corak tingkah laku pengundian ini juga secara tidak langsung memperlihatkan kuasa mutlak rakyat dalam menentu undi dalam pilihan raya yang diadakan.

SOROTAN KARYA DAN TEORI

2.1 Sistem Pemerintahan di Malaysia

Malaysia mengamalkan sistem Demokrasi Berparlimen di bawah pentadbiran Raja Perlembagaan. Malaysia diketuai oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang dipilih daripada sembilan sultan negeri Melayu untuk berkhidmat selama lima tahun sebagai Ketua Negara dan Pemerintah Tertinggi Angkatan Tentera.

Sistem ini adalah berdasarkan sistem Westminster kerana Malaysia merupakan bekas tanah jajahan British. Kuasa eksekutif ditetapkan oleh kabinet yang dipimpin oleh Perdana Menteri. Berdasarkan perlembagaan Malaysia, Perdana Menteri mestilah seorang anggota Dewan Rakyat, yang pada pendapat Yang di-Pertuan Agong, memimpin kumpulan majoriti dalam Parlimen. Manakala kabinet merupakan ahli parlimen yang dipilih daripada Dewan Rakyat atau Dewan Negara.

Malaysia mengamalkan sistem parlimen dwidewan: Dewan Rakyat dan Dewan Negara. Dewan Negara mempunyai 70 orang yang terpilih selama 3 tahun. Pemilihan ahlinya boleh dibahagikan kepada dua: 26 ahli dipilih oleh Dewan Undangan Negeri sebagai mewakili 13 negeri. 44 ahli lagi dilantik oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atas nasihat Perdana Menteri,

termasuk dua ahli dari Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, dan satu ahli masing-masing dari Wilayah Persekutuan Labuan dan Putrajaya.

Dewan Rakyat pula mempunyai seramai 219 ahli, dan setiap ahli mewakili satu kawasan pilihan raya. Ahli-ahli dipilih atas dasar sokongan ramai melalui pilihan raya. Setiap ahli Dewan Rakyat memegang jawatan selama 5 tahun, dan selepas itu pilihan raya yang baru akan diadakan.

2.2 Sistem Pilihan Raya di Malaysia

Pilihan raya merupakan salah satu komponen penting bagi negara yang mengamalkan sistem pemerintahan demokrasi. Ia merupakan saluran utama rakyat melibatkan diri dalam proses politik negara. Pilihan raya memberi peluang kepada rakyat untuk memilih pemimpin yang akan memperjuangkan kepentingan dan aspirasi mereka. Pilihan raya juga membolehkan rakyat menentukan corak pemerintahan yang diinginkan, kerana setiap calon atau parti yang bertanding mempunyai ideologi dan prinsip pemerintahan yang tersendiri. Pilihan raya merupakan medan bagi rakyat memberi keabsahan kepada sekelompok individu untuk memerintah negara berdasarkan bentuk pemerintahan yang telah dipersetujui. Amalan ini menjadikan sistem demokrasi sebagai pemerintahan yang unik berbanding sistem pemerintahan lain.

Menurut Hague *et. al.* (1992), terdapat 2 jenis sistem pilihan raya yang popular dalam kalangan negara demokratik, iaitu sistem perwakilan nisbah dan sistem majoriti. Melalui sistem perwakilan nisbah, perwakilan parti politik di

badan perundangan akan ditentukan secara nisbah mengikut kekuatan mereka dalam pilihan raya. Sistem ini mempunyai 2 variasi iaitu sistem senarai dan sistem undi tunggal yang boleh dipindahkan (Lijphart dan Grofman, 1984).

Alternatif sistem perwakilan nisbah ialah sistem majoriti yang juga dikenali sebagai sistem *single-member-district plurality*. Dalam sistem pilihan raya ini, sesebuah negeri akan dibahagikan kepada beberapa buah daerah mengundi. Dimana setiap satunya mewakili sebuah kerusi di peringkat badan perundangan. Calon yang mendapat jumlah undi terbanyak disesebuah daerah akan diisytiharkan sebagai wakil rakyat di kawasan tersebut.

Sejak tahun 1957, Malaysia mengekalkan sistem politik pelbagai parti yang mana parti politik yang memperoleh majoriti kerusi di Parlimen (Dewan Rakyat) atau Dewan Undangan Negeri boleh menubuhkan Kerajaan Persekutuan atau Negeri. Sistem yang digunakan di Malaysia berasaskan '*First-Past-The-Post-System*'. Ini bermakna calon-calon yang memperoleh majoriti akan diisytihar pemenang di bahagian pilihan raya yang berkenaan. Selain Malaysia, negara lain yang menggunakan sistem ini adalah Britain, Amerika Syarikat dan Kanada.

Pilihan raya di Malaysia boleh dibahagikan kepada dua peringkat, iaitu pilihan raya parlimen dan pilihan raya negeri. Dalam pilihan raya parlimen, rakyat diberi tanggungjawab untuk memilih kerajaan di peringkat pusat dan sekali gus wakil mereka di Parlimen atau Dewan Rakyat. Dalam pilihan raya parlimen, mana-mana parti yang mendapat sekurang-kurangnya 50% daripada jumlah

kerusi yang dipertandingkan akan layak memerintah. Namun untuk mendapat kerajaan yang stabil dan kuat, sesebuah parti harus mendapat dua pertiga kerusi di Dewan Rakyat.

Dalam pilihan raya negeri, rakyat mempunyai tanggungjawab untuk memilih kerajaan dan pemimpin di peringkat negeri atau Dewan Undangan Negeri (DUN). Jumlah kerusi DUN bagi setiap negeri adalah berbeza antara satu sama lain. Perbezaan ini bergantung pada keluasan, bilangan dan kepadatan penduduk di sesebuah negeri. Bagi memudahkan pelaksanaan pilihan raya, beberapa undang-undang dan peraturan telah digubal untuk memastikan prosedur pilihan raya dipatuhi sepenuhnya.

Undang-undang dan peraturan-peraturan-peraturan yang digubal adalah seperti Perlembagaan Persekutuan; Perlembagaan Negeri; Akta Pilihan Raya, 1958 (Akta 19); Akta Kesalahan Pilihan Raya, 1954 (Akta 5); Peraturan-peraturan (Penjalanan Pilihan Raya) Pilihan Raya, 1981; Peraturan-peraturan (Pendaftaran Pemilih) Pilihan Raya, 2002; Peraturan-peraturan (Mengundi Melalui Pos) Pilihan Raya, 2003.

Semua undang-undang dan peraturan-peraturan ini adalah berkait secara langsung dengan proses pilihan raya. Elemen-elemen penting bagi sesebuah pilihan raya adalah, Bahagian Pilihan Raya, Pemilih, Calon, Proses Pilihan Raya. Selain calon, pemilih atau pengundi merupakan elemen paling penting dalam pilihan raya. Hal ini kerana pengundi merupakan penentu bagi sebarang keputusan pilihan raya. Tingkah laku pengundian adalah konsep penting yang

melibatkan proses penglibatan rakyat dalam sistem demokrasi. Dengan yang demikian, kajian terhadap bentuk tingkah laku pengundi masyarakat penting kerana ia merupakan salah satu komponen penting dalam kajian mengenai pilihan raya selain boleh digunakan untuk meramal keputusan pilihan raya dan juga peratusan yang keluar mengundi.

2.3 Sorotan Karya

Pola tingkahlaku pengundian merupakan aspek yang penting dalam sesebuah pilihanraya. Menurut Martin Holland (1992), tingkah laku pengundian didefinisikan sebagai bidang yang cuba memahami asas yang menjadi pertimbangan pengundi dalam membuat keputusan sama ada hendak mengundi atau tidak dan juga calon yang hendak dipilih.

Winter (2010) dalam kajian mengenai tingkahlaku pengundian dan komunikasi politik dalam kalangan pelajar di European University mendapati bahawa kecenderungan pelajar untuk mengambil tahu mengenai politik lebih kurang berbanding isu-isu lain seperti ekonomi dan hal-hal social. Ini kerana pelajar tidak didedahkan secara langsung mengenai isu politik dan melenturkan minat mereka dalam politik.

Kajian Ari Pingkus tentang *Young Voter Beat a Path Toward a Politic of Moral* menunjukkan bahawa undi belia akan mengarah pada masalah isu moral. Dalam kajian ini, Ari Pingkus mendeskripsikan bahawa terdapat peningkatan bilangan pengundi belia pada tahun 2000 dan tahun 2004 dalam pilihan raya Presiden Amerika Syarikat. Jumlah belia yang mengundi pada tahun 2000 ini dianggap salah satu bilangan terbesar sejak tahun 1972. Pola perilaku mengundi belia Amerika Syarikat ini memperlihatkan kecendrungan semakin meningkatnya isu moral.

Marc Hooghe (2006) dalam kajian mengenai tingkahlaku undi di kalangan remaja dalam 27 negara Eropah menyatakan bahawa kecenderungan remaja untuk memahami politik adalah sangat rendah. Namun demikian, pembawaan isu yang dimainkan oleh parti yang bertanding memainkan peranan penting dalam mempengaruhi minda remaja. Isu yang bertepatan dengan jiwa remaja dianggap signifikansi paling tepat untuk mempengaruhi undi remaja.

Chua Siew Yoon (2000) dalam kajian geopolitik peranakan Cina Kelantan di Kampung Tendong, Pasir Mas, Kelantan mendapati faktor yang menyebabkan golongan Cina Peranakan menyokong atau menolak sesebuah parti politik bergantung kepada tahap kemampuan parti politik memberi keuntungan kepada mereka. Majoriti mereka lebih cenderung untuk tidak terlibat dalam mana-mana parti politik namun tidak bermakna mereka menolak parti politik secara total. Bagi yang mempunyai tahap pendidikan tinggi dan mampu dari segi kewangan untuk menceburkan diri dalam politik, mereka juga mempunyai kecenderungan untuk terlibat sama dalam parti politik.

Mohd Yusof Kasim dan Azlan Ahmad (2002) dalam kajian pilihan raya 1999, mendapati bahawa faktor perkauman masih relevan dalam pilihan raya di Malaysia. Namun demikian, pilihan raya umum 1999 menggambarkan kemungkinan faktor tersebut mungkin berkurangan pada masa hadapan dan menjadi salah satu elemen yang penting dalam perkembangan politik baru di Malaysia. Faktor kewilayahan juga mempengaruhi pola pengundian, umpamanya wilayah utara, tengah dan selatan dipelopori oleh UMNO manakala timur oleh PAS. Isu-isu yang hangat dibincangkan juga berdasarkan wilayah antaranya di Kuala Lumpur, Sabah dan Sarawak pada pilihan raya 1999. Antara isu-isu yang diperbincangkan ialah kegawatan ekonomi, kes Anwar Ibrahim, agama dan

sebagainya. Selain itu, turut dipaparkan analisis mengenai kesanggupan rakyat menukar kerajaan yang mana pola menunjukkan lebih tinggi yang menyatakan kesediaan khususnya di kawasan timur. Ini dapat dibuktikan melalui kemenangan majoriti 2/3 BN di Kedah (Mohd Fuad Mat Jali & Sabihah Osman 2002).

Mohd. Fuad Mat Jali & Junaidi Awang Besar (2005) dalam kajian pilihan raya kecil Pengkalan Pasir pada Mac 2005 memaparkan bahawa pilihan raya kecil tersebut merupakan indikator penilaian kekuatan PAS bertahan di Kelantan dan penaklukan semula kuasa BN. Lazimnya pilihan raya kecil sememangnya memberi kelebihan kepada parti pemerintah, namun begitu, percaturan politik Kelantan tetap menarik kerana kedudukan majoritinya yang rapuh atau bahaya. Jika kemenangan BN di DUN Pengkalan Pasir merupakan satu manifestasi anjakan pemikiran politik pembangunan di kalangan pengundi, sudah pasti fenomena tersebut memihak kepada BN dan dianggap sebagai petanda yang mendorong BN berkuasa semula. Walau bagaimanapun kemenangan semula BN akan tercapai dengan syarat BN mesti mengekalkan kerjasama yang erat seperti yang ditunjukkan dalam pilihan raya DUN ini, menepati janji dan melaksanakan projek pembangunan terus menerus dan kesepaduan dalam pimpinan UMNO Kelantan itu sendiri.

2.4 Tingkah Laku Pengundian

Tingkah laku pengundian ialah bidang kajian yang penting dalam analisis mengenai pilihan raya. Selain cuba memahami bentuk tingkah laku pengundi

masyarakat, hasil kajian juga digunakan untuk meramal keputusan pilihan raya dan juga peratusan yang keluar mengundi. Pilihan raya adalah satu landasan yang sesuai untuk mengukur tahap penglibatan masyarakat umum dalam arena politik. Bagi negara yang menjalankan pilihan raya secara demokrasi, penglibatan rakyat adalah lebih jelas kerana mereka berkuasa untuk menentukan wakil rakyat pilihan mereka mengikut kesesuaian dan kriteria yang telah mereka gariskan dan dirasakan sesuai sebagai pemimpin. Antaranya ialah perkara yang berkaitan dengan keperibadian calon, parti, dan isu yang dibawakan.

2.4.1 Definisi Tingkah Laku Pengundian

Pilihan raya merupakan landasan terbaik untuk mengukur tahap dan bentuk penglibatan rakyat dalam proses demokrasi. Dalam konteks pilihan raya, kajian yang dilakukan terhadap pengundi membolehkan kita memahami tahap penglibatan politik masyarakat dan menilai persepsi mereka terhadap actor politik seperti kerajaan, parti politik, pemimpin dan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR). Menurut Martin Holland (1992), tingkah laku pengundian didefinisikan sebagai bidang yang cuba memahami asas yang menjadi pertimbangan pengundi dalam membuat keputusan sama ada hendak mengundi atau tidak dan juga calon yang hendak dipilih. Dengan kata lain, tingkah laku pengundian berperanan menjelaskan mengapa seseorang mengundi dan apakah faktor yang mempengaruhi pilihan undinya. Selain dari itu, bidang tingkah laku pengundian

cuba menjelaskan persepsi pengundi terhadap proses pilihan raya dan pihak yang terlibat seperti SPR, parti politik, calon, ahli politik dan media massa.

Secara dasarnya, tingkah laku pengundi boleh diandaikan dengan seseorang pembeli yang ingin membeli sesuatu barang. Sebelum membeli sesuatu barangan itu, banyak faktor yang akan diambil kira oleh si pembeli itu iaitu kualiti barang tersebut, bahan-bahan yang digunakan di dalam bahan tersebut, tarikh tamat tempoh untuk barangan berbentuk makanan, serta jenama barangan, dan lain-lain faktor lagi. Jika tersalah beli mungkin si pembeli yang akan rugi dan akan menyesal kelak. Begitu juga dengan pengundi yang akan memilih wakil rakyat mereka untuk memperjuangkan intipati dan suara rakyat pada peringkat atasan. Dalam hal ini, pengundi juga perlu berkelakuan seperti si pembeli tadi di mana ia perlu menimbangkan beberapa ciri atau faktor sebelum membuang undi.

Namun demikian tidak semua pembeli adalah cermat dan sentiasa melihat dan mengkaji beberapa faktor sebelum membeli barang malah ada juga pembeli yang tidak mementingkan dan menghiraukan semua faktor tadi. Begitu juga dengan pengundi di mana tidak semua pengundi yang melihat atau mengambil kira faktor-faktor yang akan mempengaruhi undi mereka. Semua keadaan ini adalah dipanggil tingkah laku atau ragam si pengundi dalam membuat pilihan mereka. Bagi pengundi yang rasional atau cermat, mereka akan berfikir dan mengambil kira beberapa perkara atau faktor sebelum mengundi seseorang calon.

Pelbagai faktor yang boleh mempengaruhi tingkah laku pengundi rasional ini antaranya ialah faktor calon, parti yang bertanding, faktor isu semasa yang diperdebatkan sekarang, isu wang atau rasuah, faktor kaum, serta pelbagai lagi. Oleh sebab wujudnya pelbagai persepsi dan bentuk penglibatan rakyat dalam hal ehwal politik, maka terdapat empat model bentuk tingkah laku pengundian yang akan menerangkan secara amnya mengenai faktor-faktor yang mungkin mempengaruhi tingkah laku pengundian. Persoalannya ialah apakah faktor yang mempengaruhi pembuatan keputusan pengundi serta apakah hala tuju pengundian mereka?

2.5 Model Tingkah Laku Pengundian

Terdapat empat model utama yang boleh digunakan untuk menjelaskan faktor-faktor yang berperanan dalam mempengaruhi tingkah laku pengundi. Keempat-empat model tersebut ialah model sosiologi, model psikologi, model kognitif dan model Michigan.

2.5.1 Model Sosiologi

Kaedah model sosiologi ini banyak digunakan dalam kajian-kajian tentang tingkah laku pengundian pada abad ke-20. Banyak pengkaji mempercayai bahawa faktor demografi penduduk seperti umur, ras, jantina, dan kelas sosioekonomi boleh dikaitkan secara langsung dengan perilaku pengundi. Satu kajian yang dijalankan telah menunjukkan bahawa terdapat golongan muda lebih cenderung memilih calon-calon yang muda juga dan mereka lebih cenderung

juga untuk memilih parti yang lebih bersifat memperjuangkan hak dan suara orang muda berbanding golongan tua yang lebih bersifat setia pada parti yang diundi mereka sejak dulu lagi. Ini menggambarkan sosiologi yang berbeza yang diingini oleh dua pihak yang berbeza.

2.5.2 Model Psikologi

Model tingkah laku pengundian yang bersandarkan faktor psikologi ialah model yang menekankan peranan yang dimainkan oleh faktor psikologi seperti identifikasi parti dalam membentuk tindakan dan perlakuan masyarakat. Identifikasi parti ialah faktor penting dalam kajian tingkah laku pengundian. Ikatan psikologi terhadap parti menyebabkan berlakunya corak pengundian berdasarkan parti. Namun demikian, beberapa kajian menunjukkan bahawa trend ikatan atau kesetiaan terhadap parti boleh berubah mengikut peredaran masa. Terdapat beberapa sebab yang boleh dikaitkan dengan perubahan ini, salah satu daripadanya ialah sikap parti politik itu sendiri. Pada masa yang sama, kesetiaan kepada parti politik turut terjejas dengan wujudnya institusi-institusi lain yang mula mengambil alih dan mengurangkan peranan parti politik. Misalnya, maklumat yang pada suatu masa dahulu dikuasai oleh parti politik kini mulai diperolehi dengan mudah dan murah melalui media massa.

2.5.3 Model Kognitif

Menurut Himmelweit et. al., (1987) keputusan mengundi dipengaruhi oleh berbagai-bagai faktor yang berbeza seperti perspektif individu, masalah dalaman

negara dan perbezaan landasan parti. Beliau mengandaikan pengundi sebagai individu yang aktif. Pengundi akan menggunakan personaliti, tingkah laku dan fahaman untuk melihat kebaikan dan keburukan calon atau parti berdasarkan persepsi yang tersendiri. Ahi (1993) telah menyenaraikan tiga keadaan yang perlu dipatuhi oleh pengundi. Pertama; pengundi mesti peka terhadap isu yang diperjuangkan oleh calon atau parti. Kedua; pengundi sepatutnya mempunyai pendapat yang berbeza berhubung dengan sesuatu isu yang diperjuangkan di kalangan pengundi itu sendiri. Ketiga; pengundi perlu mempunyai pendirian yang berbeza terhadap isu-isu yang dikemukakan oleh calon atau parti.

Daripada model yang dikemukakan oleh Himmelweit, terdapat beberapa factor yang berperanan dalam mempengaruhi tingkah laku pengundian seperti pengaruh di sekolah dan rumah; latar belakang sosial dan pendidikan; pilihan undi ibu bapa; taraf pendidikan, status sosial, pekerjaan individu; Kejadian politik dan ekonomi, perubahan sosial, sumber maklumat termasuk media massa; pengaruh persekitaran dan ahli persatuan; tindakan pihak berkuasa, kepentingan politik, orientasi nilai dan matlamat; orientasi politik individu, gerak balas terhadap isu-isu, kepercayaan dan penilaian terhadap parti politik serta pengaruh parti.

2.5.4 Model Michigan (*Funnel of Casuality*)

Model tingkah laku pengundian yang terakhir dikenali sebagai model Michigan. Model ini dibentuk berasaskan kajian dalam pilihanraya Amerika Syarikat pada 1952 dan 1956. Model ini mengenal pasti pelbagai faktor yang

mampu mempengaruhi seseorang pengundi (Dunham, 1991). Berbeza dari mode-model tingkah laku pengundian yang lain, model ini mendapati bahawa faktor sosiologi, psikologi dan kognitif sama-sama berperanan dalam membentuk tingkah laku pengundian masyarakat. Menurut model Michigan, faktor-faktor ini boleh dibahagikan kepada dua kategori, iaitu faktor jangka masa panjang dan jangka masa pendek. Faktor jangka masa panjang adalah seperti etnik, agama, pendidikan, pekerjaan, kelas dan ikatan kepartian merupakan faktor asas yang membentuk identifikasi parti serta bentuk penilaian masyarakat terhadap isu, calon dan laporan media. Faktor jangka masa pendek pula merujuk kepada isu, calon, laporan media, perbualan dengan keluarga atau rakan-rakan. Ia dianggap mempunyai kesan jangka masa pendek kerana faktor-faktor ini sering berubah mengikut masa dan keadaan.

2.6 Kesimpulan

Tingkah laku pengundian adalah sesuatu yang berbentuk subjektif dan sukar diramalkan. Jika dikaji dengan betul maka pengkaji dapat memahami dengan mendalam tentang faktor-faktor yang selalunya mempengaruhi pengundi untuk mengundi. Keempat-empat modul yang dijelaskan di atas sedikit sebanyak membantu para pengkaji mengenai faktor-faktor yang secara amnya mempengaruhi tingkah laku pengundi. Setiap pengundi adalah orang yang berbeza maka setiap pengundi juga sukar diramal tingkah laku dan ragam mereka. Namun, secara dasarnya, model-model ini dapat merungkai sesuatu

tentang apa yang dapat mempengaruhi entiti pengundian seseorang dengan melihat dari segi faktor-faktor dalaman serta luaran yang berlaku di sekelilingnya.

BAB 3

KAEDAH PENYELIDIKAN

3.1 Pengenalan

Kajian ini lebih tertumpu kepada corak tingkah laku pengundian serta faktor-faktor yang mempengaruhi pengundian para pengundi di kawasan Parlimen Permatang Pauh. Selain itu, kajian yang dijalankan ini dapat merumuskan secara awal tentang pilihan pengundi-pengundi pada pilihan raya yang akan datang.

3.2 Skop Kajian

Kajian ini lebih menjurus kepada peranan faktor-faktor yang telah disenaraikan dalam mempengaruhi pengundi-pengundi membuat pilihan mereka. Ini kerana setiap apa yang dikehendaki oleh rakyat mempunyai sebab dan liabiliti tertentu yang menyebabkan mereka memilih seseorang calon bagi mewakili mereka di peringkat Parlimen. Selain itu, kajian ini tidak akan membincangkan perkara-perkara yang boleh menyentuh sensitiviti pihak-pihak tertentu sama ada mengenai hak-hak sesuatu kaum ataupun ideologi parti politik tertentu. Kajian ini cuba memberi ruang untuk mengetahui suara atau kehendak rakyat dan seterusnya membentuk satu kesepaduan kata tentang apa yang diinginkan oleh setiap lapisan masyarakat serta pengundi di kawasan Permatang Pauh.

3.3 Kaedah Penyelidikan

Kajian ini akan menggunakan dua jenis kaedah untuk mendapatkan sumber maklumat iaitu sumber primer dan sumber sekunder. Sumber primer adalah melalui data-data yang bakal diperolehi melalui kertas soal selidik yang akan diedarkan kepada responden di kalangan penduduk di ketiga-tiga DUN di Permatang Pauh selain daripada temu bual yang akan dijalankan dengan beberapa individu penting di sebalik PRU ke-12 yang lalu. Hasil maklumat yang diperolehi akan dianalisis dan dibuat kesimpulan mengenai kajian yang dijalankan.

Sumber sekunder yang akan dirujuk terdiri daripada kajian yang telah dijalankan di tempat lain oleh penyelidik-penyelidik tentang isu yang sama serta beberapa bahan sokongan lain yang dapat membantu hasil kajian.

Sebanyak 600 responden telah dipilih secara rawak untuk membuat kajian ini yang terdiri daripada pelbagai jenis kaum yang tinggal di tiga kawasan DUN iaitu DUN Seberang Jaya, DUN Penanti, dan DUN Permatang Pasir.

3.4 Sampel Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah survei atau kaedah kuantitatif. Responden akan diedarkan dengan borang soal selidik untuk diisi. Sebanyak 200 responden mewakili setiap DUN yang dipilih dan jumlah keseluruhan responden dalam ketiga-tiga DUN ialah 600 orang. Responden yang dipilih

mewakili pelbagai kaum, jantina, tahap pendidikan, pendapatan, jenis pekerjaan, dan umur.

3.5 Peralatan Kajian

Responden akan diberi satu borang soal selidik yang soalnya berbentuk tertutup. Soalan yang berkisarkan tentang pendapat responden mengenai faktor-faktor yang mempengaruhi undi mereka pada pilihan raya 2008 serta pandangan responden mengenai pilihan raya yang akan datang. Manakala bagi soalan yang berbentuk temubual, soalnya lebih berbentuk terbuka serta responden diminta memberi pandangan secara terbuka. Kaedah temubual ini membantu untuk mendapatkan maklumat yang lebih mendalam tentang suasana pilihan raya di Permatang Pauh.

3.6 Profil Responden

Berdasarkan metodologi kajian yang diterangkan, kajian ini telah memperoleh pelbagai peringkat golongan responden. Kepelbagaian jenis responden iaitu dari segi jantina, kaum, umur, jenis pekerjaan, tahap pendidikan, serta pendapatan akan mentafsirkan pelbagai bentuk jawapan dan pandangan.

3.6.1 Jantina

Sebanyak 309 responden adalah lelaki manakala selebihnya iaitu 291 orang responden adalah wanita.

3.6.2 Umur

Responden adalah kebanyakannya dari kalangan mereka yang berumur pertengahan dan berumur lanjut iaitu 36-45 tahun dan 46-60 tahun. Peratusnya adalah sama iaitu 40% masing-masing manakala peratus responden berumur 25-35 tahun ialah hanya 20%.

3.6.3 Kaum

Kajian yang dilakukan adalah mengikut komposisi kaum iaitu sebanyak 60% responden Melayu, 18% responden Cina, 14% responden India, dan 8 % dari lain-lain kaum.

3.6.4 Tahap Pendidikan

Majoriti responden adalah mereka yang berpendidikan tinggi iaitu sebanyak 68% manakala selebihnya ialah 32% responden yang berpendidikan rendah.

3.6.5 Jenis Pekerjaan

Kebanyakan responden adalah bekerja dalam sektor kerajaan iaitu sebanyak 42%. Bagi sektor swasta pula ialah sebanyak 26%, bekerja sendiri 28%, pelajar 2%, dan tidak bekerja sebanyak 2% juga.

3.6.6 Tahap Pendapatan

Bersesuaian dengan faktor pekerjaan, maka tahap pendapatan responden secara majoritinya ialah pada tahap pertengahan atau sederhana iaitu sebanyak 46%. Mereka yang berpendapatan rendah pula ialah sebanyak 34%, berpendapatan tinggi sebanyak 16%, dan tidak berpendapatan adalah sebanyak 4%.

3.7 Kesimpulan

Secara asasnya, kesimpulan yang dapat dibuat ialah kajian akan memfokuskan kepada faktor-faktor yang mempengaruhi undi pengundi mengikut pecahan profil responden yang telah dibahagikan. Bab yang berikutnya akan menerangkan dengan lebih lanjut kaitan antara profil responden dengan faktor-faktor yang mempengaruhi tingkah laku pengundian di Permatang Pauh ini.

BAB 4

FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI TINGKAH LAKU PENGUNDIAN DI PERMATANG PAUH

4.1 Pengenalan

Bab ini membincangkan mengenai faktor-faktor yang mempengaruhi pola pengundian penduduk Permatang Pauh untuk mengundi. Berdasarkan faktor yang dipilih ini dapat dinilai dan difahami tentang pemilihan dan pemikiran penduduk yang menjadi pilihan untuk mereka mengundi.

Berdasarkan kajian yang dibuat, terdapat lima faktor yang dipilih untuk di senarai pendek untuk dibuat pilihan oleh penduduk yang menjadi faktor pengundian mereka. Faktor-faktor tersebut ialah calon, parti, isu semasa, wang, dan etnik. Dengan meneliti peranan setiap faktor ini terhadap para pengundi, dapat dinilai tentang bagaimana pengundi di Permatang Pauh membuat penilaian dan keputusan dalam memilih wakil rakyat mereka. Kesemua faktor ini mempunyai alasan dan sebab yang kuat yang dapat mempengaruhi tingkah laku pengundian pengundi di Permatang Pauh membuang undi. Antara kelima-lima faktor ini, faktor calon dikatakan menjadi faktor terpenting yang menjadi pilihan kebanyakan pengundi di Permatang Pauh.

4.2 Faktor Calon

Calon dikatakan menjadi faktor terpenting dalam dalam setiap kali pilihan raya. Bagi memastikan kemenangan dalam pilihan raya, calon yang berpotensi tinggi dan mempunyai karisma yang baik akan diletakkan oleh setiap parti yang bertanding lebih-lebih lagi di kawasan yang 'panas' seperti di Permatang Pauh. Sejak Pilihan Raya Umum 1999, parti yang bertanding di kawasan Parlimen Permatang Pauh iaitu BN dan PKR sering meletakkan calon yang mempunyai latar belakang yang mencerminkan ciri-ciri seorang pemimpin yang terbaik.

Pada kebiasaannya, calon yang dipilih adalah terdiri daripada anak tempatan yang mempunyai hubungan yang baik dengan masyarakat setempat serta bertanggungjawab dan berjiwa rakyat. Pada Pilihan Raya Umum 2008 menyaksikan pertembungan dua penjurong antara Datin Seri Wan Azizah Wan Ismail daripada PKR menentang Datuk Pirdaus Ismail daripada BN di kawasan Parlimen Permatang Pauh. Ternyata calon yang diletakkan oleh kedua-dua parti ini amat tidak asing dan masing-masing mempunyai kredibiliti yang tidak perlu dipertikaikan lagi.

Sebanyak 42% atau 252 responden Permatang Pauh yang keluar mengundi pada Pilihan Raya Umum 2008 percaya bahawa calon menjadi faktor utama mereka mengundi. Ini jelas menunjukkan kewibawaan seseorang calon menjadi asas sebagai pilihan undian penduduk di sini. Pada Pilihan Raya Umum 2008 ini, bagi kerusi parlimen P.044 Permatang Pauh, ketrampilan kepimpinan Datin Seri Wan Azizah Wan Ismail daripada PKR lebih tertonjol apabila menang dengan majoriti 13,338 undi ke atas Datuk Pirdaus Ismail daripada BN.

4.2.1 Hubungan antara Faktor Demografi Responden dengan Faktor Calon Sebagai Penentu Tingkah Laku Pengundian

4.2.1.1 Jantina

Secara keseluruhan, pengundi lelaki dikatakan lebih melihat kepada faktor calon dalam menentukan tingkah laku pengundian mereka. Daripada 252 responden yang memilih faktor calon sebagai faktor yang mempengaruhi undian mereka, 215 responden atau sebanyak 85.3% adalah lelaki dan selebihnya iaitu 14.7% atau 37 responden adalah wanita. Perbezaan yang ketara ini jelas menunjukkan bahawa lelaki lebih terdedah dengan informasi mengenai maklumat calon dan mereka mungkin lebih aktif dalam politik berbanding wanita yang kebanyakannya kurang aktif..

4.2.1.2 Umur

Kebanyakan responden yang mengatakan faktor calon menjadi pilihan mereka ialah mereka yang berumur 36-45 tahun. Ini jelas terbukti apabila 144 daripada 252 responden atau 57.1% adalah berumur antara 36-45 tahun manakala selebihnya ialah 19% berumur 25-35 tahun dan 23.9% berumur antara 46-60 tahun. Kebanyakan mereka yang berumur pertengahan atau 36-45 tahun ialah golongan yang lebih aktif berpolitik dan daripada itu mereka mendapat banyak maklumat mengenai prestasi calon bertanding.

4.2.1.3 Kaum

Latar belakang kaum atau etnik memainkan peranan yang penting dalam proses pengundian pilihan raya. Kajian yang dilakukan menunjukkan bahawa 61.9% orang Melayu lebih cenderung memilih faktor calon sebagai asas pengundian mereka berbanding 23.8% adalah kaum Cina dan 14.3% ialah kaum India. Ini jelas menunjukkan bahawa calon yang diletakkan ialah dari kalangan orang Melayu dan kaum atau etnik Melayu lebih mengenali mereka. Maka tidak mustahil jika kebanyakan kaum Melayu memilih faktor calon sebagai faktor yang mempengaruhi undian mereka kerana lebih mengenali calon yang bertanding berbanding kaum lain.

4.2.1.4 Tahap Pendidikan

Kajian yang dilakukan membuktikan bahawa semakin tinggi tahap pendidikan seseorang semakin cenderung untuk memilih faktor calon sebagai faktor yang mempengaruhi tingkah laku pengundian mereka. Sebanyak 71.4% mewakili mereka yang berpendidikan tinggi manakala 28.6% mewakili mereka yang berpendidikan rendah. Hal ini mungkin berlaku atas sebab pengundi yang berpendidikan tinggi lebih bijak memilih calon yang lebih berwibawa dan berpesonaliti untuk mewakili suara rakyat di peringkat parlimen. Pengundi yang berpendidikan lebih tinggi juga dikatakan lebih matang dan berfikiran lebih terbuka dalam memilih calon yang berkualiti dalam pelbagai aspek.

4.2.1.5 Jenis Pekerjaan

Melalui kajian yang dijalankan, tidak terdapat hubungan yang ketara antara faktor pengaruh calon dengan jenis pekerjaan yang ditetapkan. Ini kerana peratusan bagi setiap sektor pekerjaan dalam memilih faktor calon sebagai pengaruh tingkah laku pengundian mereka adalah lebih kurang sama. Bagi mereka yang bekerja kerajaan, 42.9% memilih faktor calon manakala 33.3% dari sektor swasta, 19% bekerja sendiri, dan 4.8% adalah pelajar. Oleh itu dapat disimpulkan bahawa jenis pekerjaan tidak mempunyai hubungan langsung dengan faktor calon yang dipilih pengundi.

4.2.1.6 Pendapatan

Golongan yang berpendapatan pertengahan lebih memilih calon sebagai faktor yang mempengaruhi undi mereka. Ini berkait rapat dengan jenis pekerjaan pengundi yang juga memilih calon sebagai faktor utama. 61.9% golongan yang berpendapatan pertengahan memilih faktor calon berbanding hanya 23.8% golongan berpendapatan tinggi dan hanya 14.3% golongan berpendapatan rendah. Ini jelas menunjukkan bahawa mereka yang bekerja kerajaan dan kebanyakannya berpendapatan pertengahan lebih memilih faktor calon dalam menentukan undi mereka.

4.3 Faktor Parti

Sejak Pilihan Raya Umum 1999 hingga 2008, hanya PKR dan BN sahaja yang bertanding di kawasan Parlimen Permatang Pauh. Persaingan dua penjur

ini sering menjanjikan satu pertandingan yang sengit atas sebab kredibiliti kedua-dua parti yang sememangnya mempunyai idealisme dan kekuatan tersendiri. Melalui kajian yang dijalankan, 32% responden di Permatang Pauh bersetuju bahawa faktor parti yang bertanding menjadi pengaruh dalam menentukan undi mereka. Kekuatan sesebuah parti dari peringkat pentadbiran dan juga manifesto yang disediakan jelas menarik minat pengundi untuk menyokong parti tersebut walau siapapun calon yang diletakkan.

4.3.1 Hubungan antara Ciri Demografi Responden dengan Faktor Parti Sebagai Penentu Tingkah Laku Pengundian

4.3.1.1 Jantina

Berdasarkan kajian yang dilakukan, pengundi wanita lebih cenderung untuk memilih faktor parti sebagai pengaruh pengundian mereka. Sebanyak 56.3% wanita dikatakan memilih faktor calon berbanding 43.7% pengundi lelaki. Mungkin kerana kurang terdedah dengan informasi mengenai calon maka kaum wanita yang kebanyakannya suri rumah tangga lebih cenderung memilih faktor parti berdasarkan kekuatan atau kelebihan parti yang dilihat daripada pucuk pimpinan dan pentadbiran parti itu sendiri.

4.3.1.2 Kaum

Secara keseluruhan, PRK telah diadakan di Pulau Pinang (3 kali), Terengganu, Perak, Kedah, Sarawak (2 kali), Kelantan (2 kali), Negeri Sembilan, Selangor, Sabah, Johor, Melaka dan Pahang. 7 dari 16 PRK diadakan di negeri yang dikuasai oleh parti pembangkang. Dalam 16 PRK, PR menang 8 manakala 8 dimenangi oleh BN sejak 2008 tetapi jika dilihat kepada signifikan kemenangan dan kekalahan, ia boleh dianggap tidak membawa sebarang perubahan status quo. Pertama, kerana ia tidak memberi impak ke atas pentadbiran di peringkat pusat mahupun negeri kerana perubahan bilangan kerusi tidak menukar pentadbiran kerajaan. Kedua, pertukaran kepartian wakil rakyat

hanya berlaku di 4 kawasan iaitu di Kuala Terengganu (BN-PAS); Hulu Selangor (PKR-BN); Sibu (BN-DAP) dan Galas (PAS-BN); membolehkan kita menganggap keputusannya seri manakala di baki 12 kerusi pula, ia kekal di bawah parti yang menang dalam PRU12. Namun, setiap kemenangan lazimnya diguna untuk meningkatkan moral populariti parti dalam usaha berterusan memantapkan kedudukan mereka.

Kedua-dua gabungan kepartian tidak mengalami perubahan yang drastik sejak 2008 kecuali kepada isu yang dibawa dalam setiap PRK.

Isu PRK Pasca 2008 dan Pola Sokongan Pengundi

Setiap PRK mempunyai demografi dan persekitaran serta gerak kerja yang berbeza menyebabkan PRK lebih merupakan sentuhan lokaliti dari yang bersifat nasional walaupun ada kalanya nilai kebangsaan akan turut mempengaruhi trend pengundian. Oleh yang demikian, bahagian ini akan mengupas isu dominan berasaskan kepada kesemua pilihan raya kecil yakni satu rumusan ke atas isu yang boleh digeneralisasikan. Terdapat beberapa isu yang sama ada menjadi penolak atau penarik kepada keputusan PRK ini termasuk isu kepartian, kebangsaan dan tempatan.

A. ISU KEPARTIAN

i. Pemilihan Calon

Dalam mana-mana pilihan raya sekalipun, calon menjadi keutamaan disamping faktor-faktor lain. Dalam analisis pola sokongan pengundi di PRK yang dilihat sepanjang pasca PRU12, calon memainkan peranan penting dan kelebihan kepada sesebuah parti.

Di Permatang Pauh, PRK diadakan ketika sentimen masih kuat bersama PR. Malahan, ia juga merupakan kawasan Anwar sejak 1982 sebelum diambil-alih oleh Azizah pada tahun 1999. Unsur simpati dan calon yang mereka kenali banyak mempengaruhi pola pengundian.

Melihat kepada keputusan PRU12 di Kuala Terengganu, BN-UMNO menang dengan majoriti 628 undi. Jika dinilai kepada majoriti yang dimenangi di DUN [Wakaf Mempelam, Batu Buruk, Bandar dan Ladang], PAS memiliki 3,385 undi dan majoriti BN-MCA di Bandar adalah 1,142 undi. PAS mampu menang dengan majoriti 2,243 undi tetapi PAS tewas. Pemerhatian menunjukkan faktor calon ketika itu telah berkecenderungan menyumbang kepada kemenangan BN-UMNO.¹³ Calon PAS, Mat Sabu barangkali dilabel sebagai 'orang luar' dan kalah.

¹³ 'Antara Khidmat dan Suara', *Mingguan Malaysia*, 11 Januari 2009.

Dalam PRK 2009 pula, PAS mendapat majoriti 2,631 undi. Pertambahan 388 undi jika dibandingkan dengan keputusan PRU12. Kemenangan ini meningkat 15% daripada majoriti sebelumnya. Jumlah yang keluar mengundi pada PRK adalah 63,328 (2008: 65,181) dan yang tidak keluar mengundi PRK adalah 1,853. Jika faktor statistik lain mahu digunakan, majoriti calon BN dalam PRU12 berbanding dengan majoriti calon PAS adalah 5% yakni 2,631 yang diperolehi oleh PAS berbanding arwah Razali iaitu 628 dan jumlahnya adalah 3,259. Perubahan 5% dari analisis ini harus dijadikan sebagai iktibar oleh BN.

Kekalahan BN adalah kerana calon. Calon BN dikatakan kurang popular dalam kalangan masyarakat tempatan dan walaupun pengumuman calon dibuat awal, ia menjerat BN kerana calon terpaksa mempertahankan diri dari menyampaikan mesej PRK. Pembangkang menggunakan kesempatan 'kelemahan calon' untuk meningkatkan populariti calonnya.¹⁴

Begitu juga di Bukit Gantang. Calon BN Ismail Sopian dituduh 'selalu ke Danoq' sehingga peraih undi wanita PR menggunakan ia sebagai mesej untuk menarik sokongan pengundi wanita.¹⁵ Di Bukit Selambau, calon BN, Datuk S. Ganesan pula menjadi kecaman bukan sahaja masyarakat India atas tatacara pekerjaan tetapi turut menerima tamparan dari dalam parti beliau sendiri.¹⁶ Di Permatang Pasir, calon BN Rohaizat Othman dilihat menjadi liabiliti dengan bagasi masalah 'kes peribadi' terutama yang berkaitan dengan moral karakter beliau. Mereka yang menimbulkan perasaan syak wasangka adalah dari keluarga isteri kedua dan rakan perniagaan.¹⁷ Walaupun popular dalam parti, itu tidak bermakna popular dalam kalangan umum. Bagaimana jentera PRK dapat bergerak kerana terpaksa terus pertahankan calon? Calon pembangkang boleh disifatkan 'calon biasa' berbanding karisma calon Pas lain kerana pernah bertanding dalam enam kali pilihan raya dan tewas semuanya; kali ke-7 akhirnya menang. Antara faktor yang membantu Salleh adalah serangan berterusan ke atas peribadi Rohaizat.

Ia berlainan dengan di Bagan Pinang. Walaupun Isa ditolak oleh sebahagian besar kepimpinan atasan kerana masalah salah laku dalam parti sehingga digantung keahlian dalam parti dan melepaskan jawatan yang dimenangi pada tahun 2004, suara pengundi berbeza. Bagi PAS, calon di Bagan Pinang sukar berhadapan dengan nilai karismatik dan kewibawaan Isa yang dihormati ramai atas sumbangan dan pengalaman beliau merentasi pengundi pelbagai etnik. Calon PAS kalah disemua 18 saluran.

¹⁴ 'Kajian Merdeka Centre Menunjukkan Calon Diberi Keutamaan', *M-Star*, 14 Januari 2009.

¹⁵ 'Faktor Kemenangan PAS di Bukit Gantang', *HarakahDaily.Com*, dilayari pada 30 November 2010.

¹⁶ 'Calon BN Terlibat Kes Penipuan', dilayari di Perak.pas.org pada 30 November 2010.

¹⁷ 'Calon BN-Rohaizat Othman Diserang kontrversi', dilayari di *UMNOREform* pada 1 Disember 2010.

Di Hulu Selangor, Zaid yang dipilih sebagai calon turut berhadapan dengan sindrom 'pembunuhan karakter' berbanding dengan senario di Galas yang melihat pembunuhan karakter BN amat minima. Zaid dilabel sebagai 'kaki botol' dan ia menjadi antara faktor menyumbang kepada kekalahan beliau walaupun PAS dan sekutu mencari bermacam alasan untuk menerima Zaid. MIC terpaksa berkompromi untuk meletakkan P.Kamalanathan dari meletakkan Presiden parti, Dato' G.Palanivel.¹⁸ Kenapa calon berpersonaliti tinggi ini ditolak untuk dijadikan calon dalam PRK walaupun kawasan Ulu Bernam, Kuala Kubu Bahru dan Batang Kali dimenangi oleh BN dalam pilihan raya ke12?

Bagi calon PAS di Galas, beliau berhadapan dengan serangan ke atas fizikal dan status perkahwinan yang dipersoal oleh BN.¹⁹ Di Bukit Selambau, adakah calon telah disabotaj oleh jentera sendiri memandangkan kerusi tersebut turut diminta oleh UMNO Merbok. Kawasan bandar (pekan dan taman perumahan) dikatakan BN kalah dan BN kuat hanya kerana 'penyokong luar' bertanggung begitu [kawasan seperti Tasek Apong, Jalan Badlishah, Laguna Merbok, Ambangan Height, Taman Ria Utara, Taman Bandar Baru, Sungai Lalang, Taman Ria Jaya, Taman Ria Selatan dan Taman Peruda, BN kalah melibatkan golongan professional dan kelas menengah]. Ada yang menganggap perpecahan berlaku disebabkan oleh pemilihan UMNO sebelumnya dan proses 'cantas mencantas' berlaku dengan kepentingan diri diutamakan dari kepentingan parti.

Antara faktor kejayaan PRK Batang Ai adalah calon kerana pengundi senang dengan Malcolm Mussen Lamoh yang dianggap malu awalnya tetapi 'senang mata memandang dan baik hati'.²⁰ Faktor semuka dan berinteraksi dengan pengundi menjadi pendekatan utama BN menang di PRK ini. Faktor personaliti dan sentuhan calon memainkan peranan penting dalam kemenangan BN walaupun lawan adalah seorang yang berpengalaman. Di Sibu pula, personaliti Wong Ho Leng dilihat lantang dan tidak ramai dapat menandingi kepetahan beliau berbanding calon BN, Robert Lau yang dikatakan sukar dihubungi.²¹ Begitu juga dengan PRK di Tenang, Merlimau dan Kerbau. Faktor calon seperti Roslan Ahmad (Merlimau), Ahli Jawatankuasa UMNO Bahagian Jasin; Syed Ibrahim Syed Ahmad (Kerbau), lulusan Universiti Al-Azhar dan Mohd. Azhar Ibrahim (Tenang), Penolong Pegawai Daerah Kecil Rengit; menyumbang kepada kemenangan berterusan BN.²²

Penapisan yang dilakukan secara terperinci mampu meminimalkan masalah konflik dalaman yang boleh membantut jentera parti.

¹⁸ "Keputusan Hulu Selangor Penentu Masa Depan MIC", *Berita Harian*, 26 April 2010.

¹⁹ 'More Than Just A Friendly Fight', *The Star*, 31 Oktober 2010.

²⁰ 'Kemenangan BN Bukti Rakyat Luar Bandar Tolak PKR', *Utusan Malaysia*, 31 Disember 2009.

²¹ 'DAP Wins By 398 Majority', *The Star*, 16 Mei 2010.

²² 'Faktor Calon Antara Ramuan Kejayaan', 8 Mac 2011

Dari penjelasan di atas, yang harus menjadi penanda aras adalah 'maklum balas pengundi tempatan' dan kemudiannya dipersetujui oleh kepimpinan atasan. Kepimpinan mana-mana parti tidak boleh membuang masa mempertahankan 'personaliti' dari 'perjuangan parti' terutama dalam PRU13.²³ Terdapat pelbagai kriteria pemilihan yang boleh digunapakai untuk mengelak masalah pilihan raya 2008 dan PRK berulang. Kriteria juga berbeza mengikut kawasan dan negeri dengan memberi keutamaan ke atas nilai lokaliti. Peristiwa pemilihan calon Hulu Selangor harus menjadi panduan dalam pilihan raya akan datang. Kemenangan BN di Bagan Pinang, Batang Ai, Hulu Selangor, Galas, Batu Sapi, Tenang, Merlimau dan Kerduu pula adalah kerana pemilihan calon yang betul sebagaimana yang dilakukan oleh PR di kawasan PRK lain. Pembunuhan karakter yang minima dalam dan luar parti membantu perjalanan kempen BN di PRK ini.

Apakah kelayakan untuk menjadi calon? Calon mestilah seorang yang beretika tinggi dan memelihara martabat parti, berkredibiliti, wibawa, jujur, telus, boleh dipercayai, tidak ada skandal, boleh berkomunikasi, mengotakan janji, berpengetahuan, berkebolehan, berkelayakan, boleh dirunding, kuat, pemenang, bertenaga, cekal, berjaya, sayangkan negara, suka membantu, bersukan, berorientasikan keluarga, jiwa muda, tahu masalah rakyat, bertanggungjawab, amanah, tahu keperluan komuniti, boleh berfikir ubah nasib komuniti, boleh berkhidmat dengan menganggap diri mereka bersifat inklusif dan dan cintakan jawatan. Seorang calon yang boleh menang (*winnable candidate*) mesti bersifat 'menyeluruh' untuk diterima oleh kesemua kelompok etnik lapisan pengundi termasuk lelaki dan wanita.

ii. Jentera Pilihan Raya Parti

Jentera PRK merupakan jentera yang memainkan peranan resiprokal yang mempunyai hubungan saling balas membalas dengan calon dan isu lain. Jentera juga perlu kreatif dan agresif dengan pendekatan yang disesuaikan dengan persekitaran semasa serta tidak terikat secara rigid dengan kaedah konvensional. Tidak ada kesetiaan tidak berbelah bahagi ke atas parti atau calon lagi. Ia sudah berganjak kepada isu yang dibawa dan sejauhmanakah manipulasi isu ini meresapi jiwa dan mental pengundi.


Kekuatan jentera pilihan raya penting terutama dengan memastikan ia berjalan lancar dengan struktur kepimpinan dan gerak kerja yang tersusun dan licin. Pendekatan Manek Urai, Bagan Pinang dan Galas boleh dijadikan sebagai petunjuk untuk meminimalkan permasalahan kordinasi 'dalam parti' dan 'inter parti komponen'. Satu, ia bersifat 'one centre'. Dua, menonjolkan sentuhan peribadi calon. Ketiga, komitmen kepimpinan lokal (cawangan dan peti undi). Walaupun

²³ 'Calon Penentu Kemenangan', *Utusan Malaysia*, 18 Jun 2009.

wujud pelbagai factionalisme dan politik kepuakan dalam mana-mana parti politik, pilihan raya perlu dilihat seolah-olah mempertahankan maruah agama, bangsa dan tanahair.


Di Permatang Pauh, factionalisme Datuk Abdul Jalil, Dato Firdaus Ismail dan Datuk Md Saad menyukarkan perancangan calon Datuk Ariff Shah. Malahan pertindihan kempen, aktiviti dan program menyebabkan calon dilihat tidak dapat menyusun strategi yang licin. Ada kalanya calon bergerak berkeseorangan seolah-olah disabotaj oleh parti sendiri.²⁴ Unsur sabotaj dan permusuhan dalaman perlu dikawal oleh parti jika mahu menang dalam pilihan raya akan datang. Ada yang mengadu tidak mendapat imbuhan dan wang saku tetapi diberitahu sebenarnya dana sudah disalurkan oleh pusat. Ada juga menganggap wang itu diberi kepada faction tertentu sahaja atas kepentingan pemilihan dalam parti dari PRK. Boikot oleh calon yang diwar-warkan menyebabkan jentera pilihan raya musnah kerana ia turut dilakukan oleh penyokongnya. Pertelingkahan dalaman sehingga dirobek oleh penyokong sendiri menyebabkan berlakunya 'undi protes' dalam kalangan pengundi. Rajah 17 dan Rajah 18 di bawah menunjukkan maklumbalas dari umum mengenai jentera pilihan raya BN.

Rajah 17: Pandangan Mengenai Jentera BN



²⁴ 'Arif Shah Yakin Tiada Lagi Sabotaj', *M-Star*, 24 Ogos 2008.

Rajah 18: Pada pandangan anda, apakah kekurangan dan kelemahan jentera UMNO dan BN?



Sumber: Ilham Centre

Di Kuala Terengganu, pada awalnya ramai menjangkakan pusat akan mencalonkan Ketua Sektor (Akademik) Jabatan Pelajaran Negeri, Zuber Embong yang dikatakan berupaya bersaing kewibawaan arwah Datuk Razali Ismail walaupun ada nama-nama lain seperti Bendahari Negeri, Datuk Roslan Awang Chik, bekas Speaker Dewan Undangan Negeri, Datuk Che Mat Jusoh dan Naib Ketua UMNO Bahagian Terengganu, Sabri Alwi. Akhirnya Wan Farid Wan Salleh dicalonkan tetapi akibat sukar menerima calon yang keluarganya turut memiliki imej yang kurang menyenangkan dalam khalayak pengundi, jentera menjadi cacat.²⁵ Ini didokongi oleh kemelut permasalahan kepimpinan UMNO negeri.

Begitu juga dengan jentera MIC di Hulu Selangor yang seolah-olah memboikot apabila Palanivel tidak dicalonkan kerana beliau merupakan Ketua MIC Perhubungan Negeri dan Ketua Bahagian Hulu Selangor menyebabkan bekas Presiden parti Datuk Seri Samy Vellu memantau sendiri. Ia

²⁵ 'Benarkah Pembangkang Kuat?', *Utusan Malaysia*, 19 Januari 2009.

turut dihadapi di Bukit Gantang, Bukit Selambau dan Permatang Pasir. Unsur sabotaj turut diakui oleh Presiden MCA, Datuk Chua Soi Lek di Hulu Selangor yang melihat tiada ahli dari beberapa cawangan membantu meraih undi.²⁶ Walaupun begitu, keputusan PRK ini menggambarkan perubahan sentimen bagi tiga kaum utama dalam kawasan ini. Dianggarkan 64% undi Melayu menyokong BN berbanding 54% dari undi kaum India dan 24% (2008:39.5%) undi dari kaum Cina yang turut boleh digeneralisasikan sokongan di peringkat nasional di kawasan demografi dan geografi yang sama.

Di Permatang Pasir, 'teras' PAS dikatakan hanya 1,000 orang, tetapi penyokong parti BN dan pembangkang yang lain memenangkan PAS sehingga undi PAS melebihi 8,000 undi; sumbangan 'undi protes' dan undi 'atas pagar' menyebabkan BN tewas. Isu yang dibawa oleh BN seperti 'Anwar pengkhianat orang Melayu' dan 'jualan arak' di Selangor yakni pertembungan PAS-DAP tidak berhasil. Di Sibu, BN berhadapan dengan isu rasa kurang puas hati dengan ADUN Nangka (Datuk Awang Bemee Ali Basah) sehingga menggunakan PRK untuk melakukan 'undi protes'. Kenyataan ADUN Dudong Datuk Dr Soon Choon Teck bahawa ahli Iban SUPP mudah dibeli menimbulkan kemarahan.

Pola pengundian di kawasan majoriti Iban di Nangka dan Bawang Assan menunjukkan ada trend rasa tidak puas hati terutama isu tanah dan surat hak milik tanah apatah lagi mereka yang sudah lama meduduki kawasan tersebut juga tidak ada bukti. Jentera PRK tidak mempunyai maklumat untuk berhadapan dengan isu seperti ini menyebabkan parti pembangkang dengan disertai oleh NGO mengambil kesempatan untuk mendahului BN merapatkan diri dengan pengundi.

Jentera tempatan juga lumpuh bila 'orang luar' seolah-olah memahami kawasan tersebut dari pemimpin akar umbi tempatan. Barangkali tindakan Tengku Razaleigh Hamzah (Ku Li) tidak membenarkan 'orang luar' datang berkempen merupakan tindakan bijak untuk mengurangkan liabiliti parti. Begitu juga, strategi Manek Urai dengan 'pergerakan berpusat' amat berjaya.²⁷ Kordinasi antara parti penting bukan sahaja untuk menunjukkan adanya 'solidariti' tetapi lebih daripada itu, ia mampu menunjukkan rasa tanggungjawab, komitmen dan keazaman tinggi untuk menang bersama. Di Bagan Pinang, kesemua parti komponen secara sebulat suara hanya mahukan Isa sebagai calon memudahkan gerak kerja di sana.²⁸ 'Perpaduan' dalam BN boleh

²⁶ 'Sabotaj Antara Punca Sokongan Pengundi Cina Merosot', *Utusan Malaysia*, 29 April 2010.

²⁷ 'Galas Victory Credited to Ku Li's Strategy', *The Star*, 6 November 2010.

²⁸ 'Isa Calon Terbaik Bagan Pinang', *Utusan Malaysia*, 8 September 2009.

menjamin kemenangan parti kerana hanya perlu berhadapan dengan pembangkang dan bukan 'musuh dalam selimut'.

Kemelut dalaman lazimnya akan mengganggu persediaan parti. Malahan, jika dibandingkan dengan parti pembangkang, guna tenaga mereka dilihat lebih bersedia dengan maklumat yang diperlukan oleh orang ramai mahupun pihak umum. Misalnya, aktiviti dan program calon dan parti bukan sahaja dinaikmuat dalam halaman web mereka tetapi petugas parti atau sukarelawan di bilik gerakan memahami keperluan umum dan bersedia dengan jawapan yang meyakinkan. Ada bilik gerakan BN yang menyebarkan maklumat salah dan tidak terkini sehingga petugas parti tidak mengetahui apa yang perlu dilakukan. Penggunaan alat baru untuk berhubung penting jika mahu mendekati pengundi terutama pengundi kawasan bandar dan celik IT serta pengundi mudanya.

Walaupun begitu, kerjasama yang dilihat dalam pembangkang ketika di Permatang Pauh, Kuala Terengganu, Bukit Gantang, Bukit Selambau, Sibu tidak kelihatan di Hulu Selangor, Galas, Batu Sapi mahupun Bagan Pinang serta Tenang, Merlimau dan Kerdu. Ia berbeza dengan BN yang menampakkan usaha untuk menang di Hulu Selangor, Galas, Batu Sapi dan Bagan Pinang. Malahan, pemilihan PKR telah menjadi faktor penolak yang membolehkan BN menang selepas melihat apa yang berlaku dalam parti PKR. Apa yang dilihat dalam pemilihan PKR sebenarnya turut dilalui oleh BN ketika PRK kecuali dalam bentuk yang berbeza. Jentera PKR lumpuh di Hulu Selangor, Batu Sapi dan Bagan Pinang dan banyak bergantung kepada PAS/DAP. Ia juga jelas di Tenang dan Merlimau apabila PAS dilihat keseorangan dan PKR lumpuh. Adakalanya PAS bergantung kepada PAS terutama di kawasan pengundi Cina walaupun DAP menyatakan ia adalah parti pelbagai etnik.

Strategi Ku Li mengelak serangan peribadi ke atas calon lawan berjaya mengurangkan intensiti pertembungan kempen ofensif walaupun Pengarah Jentera PAS Galas, Datuk Tuan Ibrahim Tuan Man menganggap Ku Li punca kepada masalah penempatan dan hak tanah orang Asli Galas. Strategi Ku Li menyuarakan apa yang BN boleh lakukan tanpa mengkritik PAS membantu terutama pertemuan dalam kelompok kecil dan bukan ceramah berskala besar. Di Merlimau dan Kerdu serta Tenang, tumpuan berlebihan kempen PAS mempertahankan pemimpin barisan pembangkang, Anwar menyebabkan ia tidak dapat memberi penjelasan dasar dan matlamat perjuangannya bersama barisan pembangkang.

Di Kerdu, berpusatkan kepada undi atas pagar dan undi protes Mac 2008, sokongan BN meningkat sebanyak 925 undi manakala calon PAS mengalami kemerosotan sebanyak 181 undi. Secara keseluruhan, peningkatan 69% sokongan menggambarkan keadaan bagaimana majoriti

2,724 undi adalah jentera parti yang bersatu di bawah calon yang diterima dengan kempen dalam kelompok yang kecil serta bersemuka banyak memberi nilai tambah ke atas kempen BN. Ia juga menyumbang kepada kemenangan di Merlimau dan Tenang kerana strategi jentera parti yang mantap walaupun tidak dinafikan ada hambatan ke atas pergerakan yang dilakukan.

Di Galas perubahan sokongan dari pengundi Melayu dari 42% (2008) kepada 49%; pengundi Cina dari 48% (2008) kepada 51% dan Orang Asli dari 64% (2008) kepada 78% disumbang oleh jentera pilihan raya Galas Ku Li. Di Batu Sapi, pengundian pengundi Cina jatuh dari 40% (2008) kepada 35% manakala pengundi bukan Cina meningkat dari 65% (2008) kepada 80%. Ini menggambarkan bahawa kehilangan peratusan yang kecil dalam komuniti Cina dan peningkatan kadar peratusan keluar mengundi boleh mengubah sokongan dalam pengundian yang turut bergantung kepada kemantapan dan keberkesanan jentera parti. Di Tenang pula, berbanding dengan Labis Tengah yang sememangnya kawasan hitam BN, kawasan Labis Timor, Tenang Station dan Labis menampakkan perubahan signifikan. Walaupun peningkatan sokongan pengundi Cina kecil, tetapi ia kekal penting sekali gus menstabilkan majoriti BN walaupun DAP berkeras menyatakan 70 peratus pengundi Cina menyokong calon Pas.²⁹

Jentera pilihan raya yang kuat adalah untuk memperkasakan gerakkerja di peringkat akar umbi. Ia dianggap enjin strategik untuk meningkatkan gerakan kepartian dan merangka pelan tindakan untuk meyakinkan pengundi.³⁰ Tanpa ada jentera pilihan raya parti yang ampuh, sukar untuk menerokai kawasan yang 'hitam' dan 'kelabu' dalam konteks trend pengundian pengundi. Adalah wajar jentera pilihan raya parti mengambilkira kondisinya di peringkat setiap peti undi yang dianggap sebagai nilai mikro untuk mengenalpasti keupayaan untuk melakukan penambahbaikan berterusan agar tidak terhakis sokongan ke atas parti. Setiap kawasan peti undi perlu diberi amanah kepada 'pasukan BN' dan bukan untuk hanya satu parti komponennya dalam mengurus dan bertanggungjawab ke atas reka bentuk kawasannya dan merangka strategi yang bersesuaian termasuk dalam membina imej dan memahami cabaran konflik dan krisis yang boleh berlaku agar jenteranya mantap.

Disamping isu yang bersifat kepartian, terdapat beberapa isu kebangsaan yang turut mempengaruhi pengundian PRK.

B. ISU KEBANGSAAN

i. Isu Teoh Beng Hock, Anwar Ibrahim dan Port Klang Free Trade Zone

²⁹ 'Dari Tenang Ke Merlimau', *Utusan Malaysia*, 8 Februari 2011.

³⁰ 'BN Akan Mantapkan Jentera Pilihan Raya', *Berita Harian*, 17 Mei 2010.

beberapa isu sosial bersirat keadilan dan pendakwaan yang berlaku dalam rutin kehidupan harian sering dijadikan isu dominan dalam sesuatu PRK walaupun isu kematian Teoh Beng Hock, kes pendakwaan sodomi Anwar Ibrahim dan Port Klang Free Trade Zone dijaja dalam hampir keseluruhan PRK.³¹ Manipulasi dilakukan melalui provokasi dan emosi. Misalnya, gambar Teoh Beng Hock akan dipegang oleh seorang individu yang murung wajahnya di tempat pengundian terutama di kawasan yang majoritinya adalah Cina. Undi simpati diperolehi. Ia ketara di Bukit Gantang, Hulu Selangor, Sibuj, Batang Ai dan Permatang Pasir tetapi gagal di Bagan Pinang, Galas dan Batu Sapi. Ramai menjangkakan peristiwa penahanan keluarga Teoh Beng Hock akan memberi kesan ke atas pola pengundian masyarakat Cina di Galas tetapi ia berlaku sebaliknya. Namun, ia masih terus menjadi isu di Tenang.³² Sudahkah BN bersedia dengan Suruhanjaya Siasatan DiRaja untuk mengurus isu ini dan jika ia dibawa ke mahkamah selepas keputusan inkues adalah 'open verdict' kerana kelihatan usaha untuk meraih simpati ke atas isu ini yang menyukarkan jentera parti MCA dan Gerakan.

Begitu juga dengan apa yang berlaku di Permatang Pauh, Kuala Terengganu, Bukit Gantang dan Bukit Selambau yang melihat Anwar menggunakan agenda 'kepelbagaian', 'kesamarataan' dan 'keadilan' dalam penyampaian setiap ceramah yang memainkan peranan penting menjana sokongan bagi PR.³³ Orang ramai meragui keikhlasan Anwar sejak peristiwa 16 September 2008 tidak berhasil tetapi mampukah BN mengurus sifat kebergantungan umum kepada media alternatif untuk mendapatkan maklumat sampingan tanpa meletakkan nilai kepercayaan yang tinggi ke atas maklumat tersebut. Malahan pendedahan WikiLeaks mengenai 'kebenaran' tingkahlaku Anwar menyebabkan Anwar tidak ada pilihan melainkan mengadakan 'road show' untuk meyakinkan masyarakat. Ia diikuti dengan insiden terburuk dalam sejarah Parlimen apabila keputusan penggantungannya beliau dari menghadiri sidang diambil kerana tidak berjaya membuktikan konsep '1Malaysia' diambil dari '1Israel' beserta penyertaan APCO. Jika isu seperti ini difahami sepenuhnya, maka ia memudahkan proses mengurusnya di khalayak ramai. Di Merlimau dan Kerdu, usaha dilakukan untuk pertahankan beliau dan tumpuan berlebihan ke atas isu peribadi menjejaskan barisan pembangkang dan memberikan satu kelebihan kepada BN.

Isu Port Klang Free Trade Zone juga perlu diselesaikan dengan segera oleh pihak mahkamah terutama dalam pendakwaan ke atas beberapa individu yang terlibat kerana ia turut menjadi bahan kempen barisan pembangkang.³⁴ Malahan, penghakiman di alam siber yang dilihat telus

³¹ 'Kuatkah Pembangkang, Lemahkah BN', *Utusan Malaysia*, 22 Disember 2010.

³² 'Kaum Cina Lebih Strategik', *Utusan Malaysia*, 23 Januari 2011.

³³ 'Anwar Keluar Kenyataan Mengelirukan', *Berita Harian*, 15 Januari 2010.


³⁴ 'Isu PKFZ', *Utusan Malaysia*, 7 Mei 2010.

oleh segelintir masyarakat masih belum dapat ditanggapi oleh kumpulan gerakan perang saraf BN. Secara rasional dan praktikal, BN memerlukan kumpulan yang boleh memecahkan manipulasi kreatif barisan pembangkang yang mudah menodai kepercayaan penyokong BN secara berterusan.

ii. Isu Rasuah

Rasuah sudah menjadi salah satu isu semasa yang sering digunakan oleh pembangkang. Perdana Menteri menetapkan ia sebagai salah satu elemen di bawah pelan Bidang Keberhasilan Utama (NKRA) dengan tujuan meningkatkan indeks persepsi Transparency International (TI), tentukan hampir semua tender terbuka dan tertutup dipaparkan dalam laman web supaya rakyat tahu siapa yang mendapat kontrak daripada kerajaan dan memberi perlindungan kepada pemberi maklumat kepada pihak berkuasa. Beberapa penangkapan dan dakwaan dilakukan sejak beberapa bulan yang lalu. Persoalan yang timbul mengapakah ia masih tidak meraih sokongan umum, misalnya tinjauan lapangan terbaru Merdeka Center menunjukkan 13% menganggap ia tidak serius (sila rujuk Rajah 19). Ini merupakan cabaran terbesar dalam mengurus isu semasa terutama menangani imej dan persepsi umum kerana bacaan data tersebut menunjukkan 81% menganggap ia serius.

Rajah 19: Pandangan Mengenai Rasuah di Malaysia




Sumber: Merdeka Centre

iii. Jenayah

Satu lagi isu semasa yang perlu ditangani adalah isu jenayah yang juga terangkum dalam NKRA yang ditetapkan oleh pentadbiran Najib. Pelbagai instrumen ditetapkan oleh kerajaan untuk mengurangkan kadar jenayah termasuklah data suku (4) 2010, kadar jenayah jalanan berkurangan berbanding 2008; agihkan ramai anggota polis untuk bertugas, rondaan; kerahkan anggota Rela untuk membantu tugas pencegahan jenayah dan anggota Jabatan Pertahanan Awam (JPAM) membuat rondaan dan kawalan serta pemasangan CCTV. Pengundi bandar banyak memberi tumpuan ke atas isu ini dan ia perlu mengelak dari melahirkan kebimbangan ke atas perkhidmatan keselamatan dan PDRM. Walaupun begitu, mengikut kajian Merdeka Centre, 26% menyatakan ia memerlukan perhatian pihak berkuasa berbanding dengan isu lain (sila rujuk Rajah 20).

Rajah 20: Pandangan Mengenai Jenayah



Sumber: Merdeka Centre

iv. Kenaikan Harga Barang

Kenaikan harga petrol RON97 minggu ini dan sebanyak 2 kali pada November 2010 diikuti dengan kenaikan harga petrol dan diesel sebanyak 5 sen; gas LPG 5 sen sekilogram dan gula 20 sen sekilogram telah menyebabkan kerajaan menjadi tidak popular seketika kerana dirasakan membebankan rakyat kerana sudah dilakukan sejak Julai 2010.³⁵ Pihak pembangkang mengeluarkan pelbagai kain rentang untuk meraih simpati masyarakat dan impaknya ketara sehingga mempengaruhi kejatuhan sokongan ke atas kepimpinan Najib. Malahan, di bawah kepimpinan lepas, tindakan yang sama dilakukan sehingga pengundi luar bandar khususnya yang

³⁵ 'Harga Gula Diselaraskan 25 sen, Diesel dan Petrol 5 sen Mulai Esok', *Berita Harian*, 15 Julai 2010.

mendapati ia menjejaskan rutin harian mereka melakukan 'protes besar-besaran' melalui kuasa pemangkahan undi. Pelbagai usaha dilakukan oleh jentera BN untuk menyatakan bahawa harga barangan adalah terkawal tetapi barisan pembangkang secara berterusan cuba memanipulasi isu ini untuk meraih simpati dan mahu pengundi melontar kebencian dan kekecewaan dalam memangkah undi mereka.³⁶

Isu ini akan mendominasi pilihan raya jika penjelasan berterusan tidak diberikan kepada umum agar tidak terpengaruh dengan manipulasi pembangkang sehingga boleh mempengaruhi pola pengundian pengundi dalam PRU13 kerana ia turut memberi kesan ke atas populariti kepimpinan Datuk Seri Najib.

v. Faktor Kepimpinan Datuk Seri Mohd. Najib Tun Abdul Razak

Isu kepimpinan baru turut mewarnai PRK. Malahan, PRK Bukit Gantang, Bukit Selambau dan Batang Ai yang diadakan serentak beberapa selepas Najib menjadi Perdana Menteri seolah-olah dijadikan isu 'suara referendum' oleh parti pembangkang. Walaupun begitu, kejayaan di Manek Urai walaupun kalah, Bagan Pinang, Hulu Selangor dan Batu Sapi boleh dirujuk kepada kepimpinan beliau yang berkomunikasi langsung dengan rakyat. Malahan, pemimpin pembangkang bersetuju antara sebab mengapa berlaku perubahan dari segi pola pengundian masyarakat adalah kerana sentuhan Najib. Salahuddin Ayub ada menyatakan bahawa PR mahu diajar oleh pengundi termasuk pengundi Cina dan India kerana gagal memenuhi tuntutan masyarakat tersebut. Faktor kepimpinan Najib dilihat antara faktor penarik ke atas perubahan pola pengundian PRK.


Usaha Najib di Sibu membawa kesan positif kepada pengundi Bumiputera dan berjaya mengurangkan jurang pola pengundian masyarakat Cina yang ketara di Hulu Selangor sehingga 24%. Najib sebagai Pengerusi BN berjaya menjana perubahan persepsi mengenai kekuatan BN.³⁷ Semangat kemenangan di Bagan Pinang dan hampir menang di Manek Urai dan walaupun kalah di Sibu, BN menang di Batu Sapi dan Galas. Konsep 1Malaysia dilihat memberi suntikan ke atas nilai kepelbagaian yang cuba diurus oleh pentadbiran Najib sehingga secara perlahan-lahan membawa keyakinan dan kepercayaan pengundi (sila rujuk Rajah 21). Malahan pelbagai analisis merumuskan bahawa kejayaan di Tenang, Merlimau dan Kerdu turut dipengaruhi oleh faktor populariti Najib.³⁸

³⁶ "Harga Barangan Di DUN Merlimau, Kerdu Terkawal: Timbalan Menteri", *Berita Harian*, 27 Februari 2011.

³⁷ James Chin, (2010), 'Malaysia: The Rise of Najib and 1Malaysia', *Southeast Asian Affairs*, Singapura: SEA Affairs

³⁸ 'Populariti Najib Sumbang Kejayaan Berganda Kerdu, Merlimau', *The Malaysian Insider*, 7 Mac 2011.


Rajah 21: Populariti Najib Mengikut Etnik



Sumber: Merdeka Centre

Populariti Najib kini jauh meningkat berbanding April 2009. Jika pada Oktober 2009, populariti beliau adalah sekitar 56%; kemudian menjadi 69% pada April 2010 dan Mei 2010 ia berada pada paras 72%, kini 69% (sila rujuk Rajah 22). Penurunan ini dikaitkan dengan kenaikan harga barang secara berterusan. Kepercayaan ini akan kembali meningkat jika sekiranya keseluruhan pasukan beliau turut menggembleng gagasan pentadbiran serta gaya kepimpinan yang berkiblatkan kepada 'rakyat'. Hasil akhir kesemua agenda beliau termasuk konsep 1Malaysia, Pelan Transformasi Kerajaan (GTP), Pelan Ekonomi Kerajaan (ETP), RMKe10 dan Model Ekonomi Baru (MEB) akan membolehkan 'pasukan' beliau diberikan sokongan tetapi 'pelaksanaan' dan 'pemantauan' perlu diberi perhatian dalam jangkamasa 10-12 bulan akan datang agar boleh berhadapan dengan tuntutan pengundi di PRU13.

Rajah 22: Populariti Najib Keseluruhan



Sumber: Merdeka Centre

vi. Konsep 1Malaysia

Kajian yang dilakukan oleh Jabatan Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan mendapati 84% daripada 15,353 responden yang ditemui sepanjang Jun-Julai 2010 mempunyai pemahaman yang jelas ke atas konsep tersebut berbanding 69% pada Oktober 2009.³⁹ Barangkali ini telah menyebabkan slogan tersebut digam di negeri Selangor kerana penerimaannya kian meningkat. Malahan, konsep 1Malaysia yang berada pada tahap membina kesedaran dan kefahaman sejak April 2009 kini akan memasuki fasa baru iaitu untuk diterap dalam proses pengukuhan dalam jati diri warga Malaysia. Isu ini akan membantu BN untuk meningkatkan popularitinya jika digunakan sebaik mungkin untuk menepis kritikan pembangkang. Akibat tindakan untuk tidak membenarkan penggunaan dan kemudian mahu merujuk semula tindakan tersebut telah melahirkan kekeliruan walaupun tindakan kepimpinan negeri dikatakan bersifat politik.

³⁹ 'Tahap Pemahaman Konsep 1Malaysia Meningkat', *Bernama*, 25 Disember 2010.

vialanan, kejayaan mengembalikan sokongan masyarakat India di Tenang dan Merlimau serta Kerdau adalah kerana keyakinan ke atas konsep ini menerusi komunikasi langsung Najib dengan masyarakat India disamping kembalinya sokongan pengundi Melayu.⁴⁰

Adakah pemahaman ke atas 'SATU' membawa pengertian yang menyoal kedudukan komposisi etnik di negara ini? Atau 'SATU' menandakan kesemua warga Malaysia tidak lagi dilihat pada latar belakang mereka menyebabkan menimbulkan dilema bahawa ia perlu kekal berdasarkan keetnikan dan bukan nilai 'keselamatan menyeluruh'; yakni masing-masing menunjukkan rasa bangga kepada negara yang dihuni dan akan berjuang mempertahankan kedaulatan negara. Ia boleh dilihat sebagai pelengkap kepada 'Malaysia Boleh' yang sunyi sejak tahun 2004 dalam persekitaran politik, ekonomi dan sosial tanahair. Keunikan 'SATU' Malaysia terletak kepada 'keyakinan', 'kepercayaan' dan 'kejujuran' bahawa setiap individu mempunyai hak dan tanggungjawab ke atas negara kerana mereka bergelar 'Warga Malaysia'. 1Malaysia wajar diurus sebagai salah satu isu dominan pilihan raya untuk memenangi kepercayaan masyarakat, khususnya penyokong tegar BN.

vii. Agama

Isu agama turut memainkan peranan yang signifikan dalam PRK. Isu yang cuba disenyapkan oleh PAS mengenai kedudukan negara Islam menimbulkan dilema dalam kalangan segelintir penyokongnya sendiri dan keputusan di Manek Urai dan Galas boleh memberi perhitungan ke atas isu ini. PAS memerlukan sokongan bukan Islam dan bukan Melayu. Tindakan Ketua Menteri Pulau Pinang Lim Guan Eng memberi jaminan menamakan Ustaz Salleh Man sebagai Pengerusi Majlis Agama Islam jika menang di Permatang Pasir juga telah meyakinkan pengundi Melayu.⁴¹ Institusi agama di kawasan itu seperti Pondok Penanti dan Madrasah Masriah menyokong PAS dan keputusan Lim Guan Eng.

Isu pemberian 'zakat' oleh Menteri Besar kepada tiga orang Asli yang memeluk Islam, isu pemberian wang RM250 perbelanjaan pulang kepada anak Kelantan yang berada di luar yang mengundi juga telah dipersoalkan dan memberi kesan ke atas populariti PAS.⁴² Di Merlimau, isu agama dikatakan tidak begitu ketara.⁴³ Namun, isu calon PAS Normala Sudirman enggan bersentuhan tangan dengan golongan lelaki telah menjadi isu tetapi berjaya dikawal dengan

⁴⁰ 'Menang Berganda: BN Kembali Peroleh Sokongan Pengundi Melayu', *Politik Harian*, 7 Mac 2011.

⁴¹ 'PAS Minta Mansor, Malik Perjelas Isu YDP MAIPP', *Utusan Malaysia*, 10 Jun 2009.

⁴² 'Tindakan Nik Aziz Bukti PAS Semakin Terdesak', *Utusan Malaysia*, 11 Mei 2010.

⁴³ 'Putu Belit Isu Agama Tak Laku Di Merlimau', *PRKMerlimau*, 15 Februari 2011.

segera oleh jentera UMNO untuk mengelak dari berlakunya kemerosotan sokongan dalam kalangan pengundi Melayu.⁴⁴

Isu perkataan 'Allah' dan 'kitab terjemahan' telah digunakan seluasnya di SibU. Ada pemimpin yang menjadi pemimpin radikal Kristian; ketara di SibU. Gereja menjadi tempat tumpuan komuniti dengan 60% adalah beragama Kristian dan ada yang menggunakan ungkapan dari Kitab Injil untuk mempengaruhi penerimaan agama dalam politik. Pertembungan isu agama boleh menjadi dominan dalam PRU13. Begitu juga pergeseran intra-agama yang berlaku bukan sahaja dalam kalangan masyarakat Islam malahan perlu dihalusi kedudukan kelompok berpendidikan sekolah vernakular Cina dengan kumpulan 'saudara baru' Kristian. Pertembungan isu keagamaan boleh memberi kesan jangka panjang ke atas struktur tadbir negara. Barangkali peringatan Najib dalam Konvensyen BN pada Disember 2010 yang melihat kepada kejayaan mengurus kepelbagaian BN tepat pada masanya untuk menolak golongan ekstremis untuk mencari '*middle path*' dalam konteks masyarakat majmuk negara ini.⁴⁵

BN juga perlu mengupas dan memikirkan strategi untuk berhadapan dengan keadaan 'PAS senyap, DAP diam' dalam isu agama kerana masing-masing mengeneipkan perbezaan radikal mereka yang ketara untuk semata-mata menjatuhkan BN.⁴⁶ Adakah BN sudah memikirkan langkah bagaimana untuk berhadapan dengan percaturan isu keetnik dan agama, baik yang bersifat inter-agama mahupun intra-agama.

viii. e-Media

Media alternatif dilihat antara penyumbang utama dalam trend pola pengundian hari ini. Dengan kekuatan tersebut, jentera pilihan raya barisan pembangkang mampu menggunakan beberapa alat media baru ini untuk menghampiri kumpulan sasaran dan pada waktu yang sama mengharapkan kumpulan muda akan menyalurkan maklumat tersebut kepada orang tua dan sanak-saudara serta sahabat handai agar dapat mempengaruhi pemangkahan mereka.⁴⁷ Di Permatang Pauh, maklumat terkini disebar segera malahan diedar melalui CD untuk tatapan. Poster yang menarik digunakan untuk mendekati pelbagai kumpulan sasaran. Walaupun kepercayaan ke atas berita dan maklumat boleh dipersoal, namun banyak berita yang bersifat maklumat rahsia, gossip dan pencapaian seseorang pemimpin didedah sebagai alat perang psikologi umum. Ada informasi yang diulang cetak untuk mengubah aliran pengundi terutama

⁴⁴ 'Isu Salam Bukan Muhrim: Bukan Islam Faham-Normala', *mStar*, 23 Januari 2011.

⁴⁵ 'Key Reforms Put BN On The Winning Path', *New Straits Times*, 10 Disember 2010.

⁴⁶ 'Kerana Politik, PAS Biar Isu Kalimah Allah Dipersendakan', *Utusan Malaysia*, 15 Mei 2010.

⁴⁷ 'Young Know More About Politics Than We Think', *New Straits Times*, 23 Oktober 2010.

anak-anak muda. Di Hulu Selangor dan Permatang Pasir, pekerja kilang dibekal dengan pelbagai informasi oleh rakan mereka dari bandar. Kempen BN sering dikaitkan dengan rasuah dan salah laku sehingga menjadi liabiliti dalam pendedahan blog-blog dan ia menjadi seolah-olah 'benar' apabila tidak ada banyak yang bangkit untuk pertahankan kedudukan BN. E-media menjadi lokasi kempen oleh pihak pembangkang kerana sedar kempen bersemuka sukar di beberapa kawasan apatah lagi pengundi muda gemar pendekatan ini. Maka, isu sensasi dilontar dalam ruangan atau halaman alam maya ini.

Hampir 45% rakyat Malaysia menggunakan internet dan berhubung melalui facebook, emel, blog mahupun portal berita online. Banyak maklumat disebar walaupun kesahihannya sukar ditentukan. Malahan, banyak dokumen dalam kerajaan disiar dan diedar terutama ketika pilihan raya. Ia ketara ketika sejak di Permatang Pauh sehingga ke Kerdu. Ada kawasan PRK yang tidak mendapat sepenuhnya informasi alternatif ini kerana kekangan akses tetapi di peringkat awal BN dilihat sukar untuk berhadapan dengan isu yang dilayari dalam internet; masih bersifat defensif dengan tumpuan ke atas portal berita sendiri semata-mata. Wajar difikirkan bagaimana untuk meyakinkan kelompok besar yang menggunakan e-media kerana BN masih cuba menyaingi pembangkang dalam sebaran informasi melalui blog dan facebook, twitter mahupun portal berita mereka. Usaha calon BN di Merlimau melancarkan facebook beliau turut mendapat perhatian dan merupakan salah satu pendekatan yang menampakkan kelainan.⁴⁸ Perancangan strategik wajar dilakukan untuk memahami aspirasi pengundi dari kelompok muda dan baru untuk melahirkan 'kepercayaan' dan 'kebergantungan' ke atas media baru sebagai alternatif kerana bagi segolongan pengundi, media alternatif adalah media arus perdana mereka.

Disamping isu kepartian dan kebangsaan, pelbagai isu tempatan turut perlu diteliti dalam konteks pilihan raya.

C. PELBAGAI ISU TEMPATAN PRK

Isu tempatan lazimnya merupakan isu yang disesuaikan dengan persekitaran geografi dan kependudukan setempat. Pelbagai isu digunakan untuk memanipulasi persepsi umum ke atas sesuatu isu.

Begitu juga dengan apa yang berlaku di Permatang Pauh, Kuala Terengganu, Bukit Gantang dan Bukit Selambau yang melihat Anwar menggunakan agenda 'kepelbagaian', 'kesamarataan' dan

⁴⁸ 'Calon BN Di Merlimau Lancar Facebook Dekati Pengundi', *Utusan Malaysia*, 2 Mac 2011.

'keadilan' dalam penyampaian setiap ceramah yang memainkan peranan penting menjaga sokongan bagi PR. Ungkapan seperti kenyataan Datuk Azhar Ismail tentang 'pendatang' terpampang di merata tempat. Begitu juga kain rentang 'sekolah satu aliran' banyak digunakan oleh PR untuk dimanipulasi mempengaruhi persepsi pengundi yang masih segar dengan prestasi PR dalam PRU12. BN juga dituduh cuba menghasut isu perkauman dan membeli undi. Isu lain yang turut mendominasi PRK adalah kes pembunuhan Altantuya Sharibuu yang turut melihat bagaimana kereta mayat direka dengan berarak bersama gambar Altantuya di Bukit Gantang walaupun dilarang oleh pihak berkuasa.⁴⁹

Di Permatang Pauh, pada waktu PRK, Saiful Bukhari muncul bersumpah bahawa beliau diliwat oleh Anwar dan Ramlan Porigi, imam yang menjadi saksi majlis bersumpah Saiful muncul di pentas Anwar dan mendakwa ia tidak mengikut cara kelaziman dan melahirkan kesangsian ke atas sumpah Saiful. Anwar juga mendakwa beliau dilarang untuk bersumpah menggunakan Al-Quran.

PRK Permatang Pauh juga sepatutnya membawa kepada wakil rakyat BN 'lompat parti' sebagaimana yang dicanangkan oleh Anwar. Beliau mengemukakan idea ia akan berlaku melalui undi tidak percaya dalam Parlimen. Kedua, ia tidak berlaku pada 16 September 2008. Apabila ini tidak berlaku, umum seolah-olah tidak lagi mengambil serius apa yang cuba disampaikan oleh beliau. Walaupun begitu, beliau dilihat sebagai penyampai maklumat alternatif yang mahu didengar oleh pengundi muda walaupun ia tidak benar. Kebergantungan kepada media lebih untuk mendapatkan maklumat sampingan tanpa meletakkan nilai kepercayaan yang tinggi ke atas maklumat tersebut.

Di Kuala Terengganu, calon BN mendakwa PAS menakut-nakutkan pengundi dengan menyatakan 'satu undi PAS, satu undi pahala'.⁵⁰ Ada juga bertanggapan bahawa jika mengundi PAS, akan ditukar tempat kerja. PAS memainkan isu royalti minyak Petronas manakala BN menggambarkan PAS sebagai lemah kerana tunduk kepada DAP mengenai isu hudud. Wang tunai RM300 diedarkan kepada beberapa wartawan yang bertugas di pusat media Jabatan Penerangan di Kuala Terengganu dikatakan wang 'rasuah' BN. PAS menggesa SPR menggugurkan Datuk Mat Razali Kassim daripada menguruskan PRK Kuala Terengganu atas alasan Pengurus Pilihan Raya itu 'menyalahgunakan' kedudukannya dengan meminta stafnya mengundi Barisan Nasional. PAS juga mendakwa SPR bekerjasama dengan JPN dengan menyediakan pengundi hantu. BN pula menjanjikan royalti minyak berjumlah RM 3 billion buat kerajaan negeri Terengganu.

⁴⁹ 'Polis Larang Sentuh Isu Sultan Perak, Altantuya di Bukit Gantang', *m-Star*, 31 Mac 2009.

⁵⁰ 'Undi PAS-DAP Dapat Pahala?', *Utusan Malaysia*, 31 Disember 2009.

Strategi BN di Kuala Terengganu pada malam terakhir berkempen turut memberi kesan yang besar. Jika PAS bersembahyang munajat di masjid, BN pula mengadakan konsert hiburan di stadium untuk berinteraksi dengan golongan muda terutamanya. Di kawasan seperti itu, nilai ini tidak sesuai sama sekali dan boleh membawa kesan besar dalam pola pengundian pengundi.

Di Bukit Gantang, isu Raja Berperlembagaan menjadi isu utama BN. Suara pembangkang menjadikan pilihan raya kecil ini sebagai 'referendum' ke atas kepimpinan Najib. Isu Nizar derhaka kepada Sultan Perak ada kesannya yang melihat sokongan orang Melayu kembali kepada BN. Malahan, Nizar sebagai calon DAP dan bukan PAS menjadi isu. Isu lain termasuklah pemberian geran kekal 999 kepada 3,000 lot tanah kampong baru orang Cina.⁵¹

Yang nyata, keputusan di Bukit Gantang amat penting untuk BN. Pola pengundian dalam kalangan pengundi bukan Melayu dan Melayu berbeza. 15% (1,500) pengundi Cina dan 33% (500) India mengundi calon BN kali ini. Ia jelas menunjukkan pengundi bukan Melayu masih belum menerima semula BN ketika itu. 3 isu besar yang menjadi faktor penarik kepada PR adalah latar belakang Nizar yang dikatakan mempunyai darah 'cina', perjuangan DAP mengkritik pengambilan semula BN untuk mentadbir Perak dan isu tanah. Calon BN-UMNO dilihat mendapat sokongan kerana 'peralihan kuasa' yang baru berlaku ketika itu. Pada 2008, 14, 500 pengundi Melayu telah menyokong BN, tetapi dalam PRK ini, ia meningkat 2, 500 undi menjadikannya 17, 000. Walaupun Nizar adalah calon PR-PAS, ia kehilangan 1, 500 undi Melayu memandangkan pada 2008, Pas menerima 11, 500 undi berbanding 9, 500 undi kali ini. Mengapa pengundi Melayu bersedia untuk kembali menyokong BN? Ini harus dilihat kepada peralihan angin baru kepimpinan UMNO dan tindak tanduk PAS sendiri di Perak. Barangkali isu ancaman ke atas kedudukan orang Melayu turut menjadi faktor utama.

PAS-PR menang di Bukit Gantang. Pencapaian PAS boleh dilihat melalui pemerolehan undi tambahan sebanyak 1,845 undi (Mac 2008 : 20,015 / April 2009 : 21,860); majoriti berubah kepada 1223 (2008 : 1,566 / 2009 : 2,789). BN juga telah dapat menambahkan bilangan undi sebanyak 622 undi berbanding PRU12 (2008 : 18,449 / 2009 : 19071). Peningkatan ini boleh dihubungkan dengan tambahan dalam jumlah keluar mengundi (2008:72.6% / 2009:75.1%). Dilihat pada perincian sokongan masyarakat Melayu, jumlah undi PAS merosot sebanyak 4% dari 47% kepada 43% tetapi sokongan bukan Melayu tambah dari 64% kepada 75% (penambahan

⁵¹ 'Pemberian Dipersoal – Status Hak Milik Tanah Kekal 999 Tahun Kepada Kampung Baru di Perak', *Utusan Malaysia*, 28 Jun 2009.

11%). Secara mudah, undi Melayu meningkat kepada BN sebanyak 4% manakala undi bukan Melayu jatuh sebanyak 11%.

Angka di atas boleh digunakan untuk diterjemah dalam bentuk analisis sokongan pola pengundian termasuklah mood rakyat barangkali selepas satu tahun masih belum melihat sebarang perubahan kerana peralihan kepimpinan berlaku beberapa hari sebelum penamaan calon; tambahan 'undi protes' Mac 2008 dari isu calon luar; 1845 tambahan undi PAS dari masyarakat Cina selepas melihat kerajaan PR Perak; undi PAS dalam kalangan masyarakat Melayu merosot terutama di kawasan luar bandar; faktor pengundi bekerja di luar kawasan pengundian kerana hari mengundi adalah hari bekerja dan ada tambahan undi dari pengundi yang tidak mengundi dalam PRU12.

PRK Bukit Selambau diadakan serentak dengan PRK Bukit Gantang dan Batang Ai. PRK ini diadakan selepas wakil rakyat Bebas yang mesra PR, V.Arumugam meletakkan jawatan atas sebab peribadi.⁵² Seramai 15 orang calon bertanding tetapi kehadiran calon Bebas tidak signifikan memandangkan dalam PRK selalunya calon kepartian menjadi pilihan. Daripada 13 calon Bebas, 6 adalah Melayu, 6 India dan satu dari kaum Cina. Calon BN dan PKR adalah beretnikan India. Ada analisis bertanggapan calon Melayu adalah untuk mendapat sokongan majoriti pengundi di sini tetapi dalam konteks PRK Bukit Selambau, calon popular kerana sentimen persekitaran politik ketika itu. Antara isu utama pembangkang adalah Manikumar akan dijadikan exco negeri; sentimen 'beri kita ambil, undi tidak bagi', projek 'instant', MCA dan Gerakan tidak agresif, prestasi pemerintahan PR di Perak dan Pulau Pinang, simpati pada Hindraf, pengundian tidak melalui kaum [Tan Hock Huat: 78 / Mejar (B) Anuar Abdul Hamid (257)], jentera parti (guna kereta mewah), rasuah dan manipulasi isu rasuah.

Di Batang Ai, isunya lain termasuklah kemudahan asas, bekalan air dan elektrik (terutama di Ulu Engkari dan Ulu Lemanak) lapan jam perjalanan menaiki bot, siapa yang boleh membawa pembangunan, pengundi wanita (50.2%) kumpulan menentukan kemenangan, faktor geografi dan logistik (dimonopoli oleh jentera kempen lelaki), calon yang lebih muda dan berpendidikan lebih tinggi memahami aspirasi pengundi muda, 48% pengundi adalah mereka yang lahir selepas 1963 iaitu selepas Sarawak menyertai Malaysia dan 8.5 peratus berusia kurang 30 tahun, kempen PKR berkisar isu tanah Hak Adat Bumiputera, ketiadaan kemudahan infrastruktur dan kemudahan asas, serangan peribadi terhadap Ketua Menteri, Tan Sri Abdul Taib Mahmud, isu penggunaan

⁵² 'Arumugam Letak Jawatan Exco, Adun', **Utusan Malaysia**, 10 Februari 2009.

nama Allah dan PKR juga menggunakan beberapa laman blog bahasa Iban untuk berkempen dalam PRK, namun dilihat kurang berkesan dengan sebahagian besar kawasan di Batang Ai tidak mempunyai akses berikutan ketiadaan bekalan elektrik.⁵³

Manek Urai sepertimana Galas menunjukkan bahawa BN-UMNO tetap popular. Ia memberi isyarat penting bagaimana ada yang mahukan perubahan tanpa bergantung kepada apa yang ada. 'Jambatan' dikatakan antara faktor utama mengapa pengundi beralih menyokong BN daripada PAS. Calon BN, Tuan Aziz Tuan Mat berjaya mengurangkan majoriti 1,352 yang diperolehi PAS sebelum ini. Malahan, perubahan pola pengundian kepada BN dipengaruhi oleh beberapa faktor termasuklah penerimaan ke atas kepimpinan Najib, keinginan sebilangan pengundi untuk melihat 'perubahan', gelaran Manek Urai sebagai 'anak emas' BN, isu 'royalti minyak', isu tanah, air, jalan, input pertanian, kemiskinan, 'kepemudaan' antara 2 calon, sumbangan pengundi luar, 'psikologi' PAS menyebarkan kemenangan PAS menyebabkan jentera BN kucar-kacir, 'pengundi atas pagar' terutama di perantauan, ada sebilangan tidak puas hati dengan Tuan Guru Nik Aziz Nik Mat dan ada pula menolak Kerajaan Perpaduan UMNO-PAS.⁵⁴

Di Sibul, isu adalah sama ada kampus cawangan atau institusi dibina kerana rakyat merasa beban kos hantar mereka ke luar Sibul. Cawangan Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) ada di Kuching dan Samarahan manakala kampus Universiti Curtin di Miri. Isu penubuhan cawangan perlu difikirkan memandangkan Kuching mempunyai sebilangan IPTA/S.⁵⁵

Selain itu, bayaran tol jambatan beban membayar tol serta kadar bayaran tempat letak kenderaan menjadi isu lokal kerana membebankan golongan berpendapatan rendah. SUPP dikatakan gagal menjana pertumbuhan ekonomi yang turut mendapat kesan Halal Hub Tanjung Manis sehingga tumpuan perniagaan berubah.

Sokongan kepada BN dapat dipulihkan jika golongan muda Sibul meyakinkan masyarakat tempatan bahawa bantahan dan rungutan mereka mendapat perhatian terutama isu setempat seperti mitigasi banjir, Tanah Adat dan pengangguran. Kekurangan pemimpin muda yang dapat 'engage' dengan kumpulan sasar ini sebenarnya menjadi faktor penolak kepada BN.

⁵³ 'Isu Hak Milik Tanah Ditangani Di Batang Ai', *Bernama*, 25 Mac 2009.

⁵⁴ 'PAS Didakwa Terjejas Isu Pertikaian Kerajaan Perpaduan', *Berita Harian*, 14 November 2008.

⁵⁵ 'Isu Tanah, Kekayaan Menjadi Modal Kempen', *Berita Harian*, 13 Mei 2010.

Pengundi Cina juga berkecenderungan pertahankan isu pendidikan dan kesamarataan sehingga trend penolakan masih berterusan.⁵⁶ Pembangkang juga masih memainkan isu rasuah, jenayah, perkhidmatan komuniti, SPRM dan PDRM.

Isu tempatan tidak begitu ketara di Tenang, Merlimau dan Kerdu. Ini menyebabkan di Kerdu, ia lebih bersifat peribadi dengan menyoal sijil pengajian calon sama ada diperolehi dari institusi ternama di Mesir.⁵⁷ Tumpuan pembangkang juga adalah ke atas isu hutang kerajaan negeri, buku Jingga yang sukar digarap nilai sebaliknya oleh pengundi luar bandar dan isu peneroka Felda.⁵⁸ Di Merlimau pula, isu lokal seperti infrastruktur awam, lampu dan jalan cuba diketengahkan walaupun amat minima impaknya berbanding kehilangan Pengerusi DAP Negeri Pahang yang bercuti di Chiang Mai di Kerdu.

Kempen BN 'Selamatkan Malaysia Dari Pembohongan' merupakan tag mesej yang berkesan dan boleh terus digunakan untuk meneroka perang psikologi barisan pembangkang di peringkat tempatan; ia teruji di Merlimau dan Kerdu.


Banyak isu lokal wajar diberi perhatian termasuk kehilangan YB, bilik gerakan tidak berfungsi, sampah yang tidak diangkut, banjir, pemantauan harga barang, peluang pekerjaan, kesesakan, perkhidmatan pihak berkuasa tempatan, longkang, jalan tidak bermutu, papan tanda, kos baja dan racun, tiada elektrik dan air. Jika isu ini diselesaikan sebelum pilihan raya, maka gagasan di peringkat kebangsaan dan kenegerian boleh lebih meyakinkan pengundi.

Ini berbeza dengan di Hulu Selangor kerana isu tempatan adalah isu dasar kerajaan negeri, infrastruktur tidak lengkap dan isu tanah, sebagaimana yang dapat dilihat dalam Rajah 23 di bawah.

⁵⁶ 'Defeat A Bitter Pill To Swallow', **The Star**, 18 Mei 2010.

⁵⁷ 'Adnan: Fitnah PAS Isu Sijil Calon BN', **Berita Harian**, 26 Februari 2011.

⁵⁸ 'Ahmad Dicabar Debat Isu Felda Di Tenang', **Berita Harian**, 25 Januari 2011.



Sumber : Ilham Centre

Di beberapa kawasan, pembangunan bukan isu kerana ia berhampiran dengan bandar misalnya, Permatang Pasir, Bagan Pinang, Kuala Terengganu dan Batu Sapi tetapi isu-isu lain yang berkembang tanpa keseimbangan dengan pembangunan menimbulkan masalah. Di Sibul, pembangunan dan sumbangan persatuan Cina serta sekolah tidak menampakkan kesan kerana isu ini sudah berlarutan. Ada yang kecewa apabila keadaan ekonomi susut di bandar sehingga melakukan migrasi. Sibul dilihat sebagai bandar yang tidak mempunyai industri dan kekurangan peluang pekerjaan.⁵⁹ Di Hulu Selangor, walaupun 30 minit jauh dari bandaraya, ada kawasan yang masih tidak mempunyai kemudahan asas sehingga menimbulkan kesukaran bagi BN tangani isu tersebut.

Ia berbeza dengan Galas kerana rancangan tanah Kesedar apatah lagi ia rapat dengan Ku Li yang juga merupakan Pengarah Jentera Pilihan Raya DUN Galas yang turut bertanggungjawab ke atas pembangunan Gua Musang. Di Pulai, penduduk bukan Melayu kesal PAS tidak melayani isu pemilikan tanah. Yang ketara adalah pola pengundian pengundi Cina yang songsang dengan amalan sebelum ini dimana anak-anak meminta orang tua tidak memangkah PAS kali ini.

Projek Ladang Rakyat menjadi isu pembangunan termasuk pembangunan sekitar Lojing

⁵⁹ 'Local Issues Cost Barisan Sibul Defeat', *The Star*, 18 Mei 2010.

menyebabkan sukar mendapatkan bekalan air. Strategi kempen PAS ke atas isu Ladang Rakyat dan geran tanah tidak berpihak kepada PAS.⁶⁰ Projek pembinaan sejumlah 1,500 unit rumah telah dilancarkan dengan kos sebanyak RM 180 juta oleh BN yang dijangka siap pada tahun 2013 turut menjadi tarikan walaupun PAS menganggap ia sebagai 'membeli undi'.

Di Galas, isu pembangunan menjadi teras sebagaimana kawasan separa bandar lain yang dilihat memberi kelebihan kepada BN berbanding pembangkang. 5% pengundi Cina yang kembali menyokong di Galas barangkali boleh dihubungkan dengan faktor ini sebagaimana di Batu Sapi dengan 42%.⁶¹ Walaupun begitu, ada pengundi di kawasan seperti Manek Urai, Penanti, Permatang Pasir mahupun Permatang Pauh yang tidak mahu pembangunan diberi keutamaan kerana selesa dengan persekitaran mereka dan tidak mahu ia diganggu. Yang mahu dilihat adalah kawalan ke atas perubahan struktur yang memberi kesan ke atas rutin kehidupan mereka.

Di Kerdu, barisan pembangkang yang ada ketikanya menyatakan pembangunan bukan lagi isu menggunakan strategi politik pembangunan dengan cuba mempengaruhi persepsi pengundi bahawa tidak ada pembangunan di Kerdu. Ia bertentangan dengan pendirian Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Adnan Yaakob yang berpandangan tidak ada isu di PRK tersebut kecuali isu setempat seperti tanah, bekalan air dan kemudahan jalan.⁶²

Walaupun ramai bertanggapan isu pembangunan tidak relevan dalam konteks kehadiran pengundi celik huruf yang tinggi kerana golongan ini mempunyai harapan dan ekspektasi yang berbeza, namun ada kawasan yang memerlukan perhatian ke atas isu ini. Maka, dalam merapatkan diri dengan kumpulan pengundi bandar yang memiliki mindset yang berbeza dengan pengundi luar bandar, kemahuan dan keperluan pengundi luar bandar wajar terus diberikan tumpuan agar pengundi luar bandar menjadi 'deposit tetap' parti.

Jika sekiranya isu strategik dikenalpasti lebih awal dalam usaha merungkai keupayaan untuk menang atau disebaliknya di sesuatu kawasan, maka persiapan rapi dapat dilakukan kerana isu juga bergantung kepada keupayaan calon dan parti menanganinya yang secara langsung akan turut mempengaruhi gerakan jentera pilihan raya parti. Keupayaan untuk manipulasi isu penting kerana pengundi akan melihat kepada kemampuan pihak yang bertanding meyakinkan pengundi terutama dalam kalangan 'pengundi atas pagar'. Maka, parti mesti berani membuat keputusan

⁶⁰ 'PAS Guna Isu Ladang Rakyat, Pembahagian Tanah Orang Asli', *Utusan Malaysia*, 26 Oktober 2010.

⁶¹ 'MCA Thanks Voters For Supporting Barisan Nasional In Galas and Batu Sapi', *The Star*, 5 November 2010.

⁶² 'Apa Isu Di Kerdu? Tiada, Kata MB Pahang', *Bernama*, 24 Februari 2011.

dan mengambil risiko ke atas isu-isu yang dikemukakan oleh mana-mana pihak supaya dapat membina 'keyakinan' dan 'kepercayaan' dalam kalangan pengundi.

Persiapan Pilihan Raya Ke-13

Apakah persediaan yang perlu dilakukan agar ia konsisten tanpa bergantung kepada kelemahan lawan semata-mata dalam merungkai kekuatan sendiri?

Bentuk persediaan yang wajar dilakukan termasuklah:-


- i. Nilai apa yang rakyat mahu, apa keperluan rakyat dan cara rakyat berfikir (mindset).
- ii. Komunikasi politik penting dalam pilihan raya akan datang terutama antara pemimpin – pemimpin, pengikut-pengikut dan pemimpin-pengikut. Malahan, jika ini dititikberatkan, ia mampu menguatkan jaringan politik terutama di peringkat akar umbi (pemimpin di peringkat cawangan/peti undi) dengan menggunakan pendekatan ofensif bagi menangkis isu yang lawan.
- iii. Menggunakan jaringan di peringkat cawangan untuk berhubung dengan masyarakat setempat di 222 kawasan Parlimen. Pendekatan rumah ke rumah mengikat pemimpin tempatan dengan pengundi dan dilihat sebagai pendekatan agresif supaya ibu bapa kembali meminta anak mereka sokong BN atau menentukan 'perantara' yang boleh mempengaruhi tokoh di sesuatu kawasan membantu BN.
- iv. Membina imej dan agenda setting BN di akar umbi [termasuk manifesto lokal untuk setiap 222 kawasan Parlimen, membina penjenamaan BN tempatan]; ia boleh menjadi KPI setiap kawasan.
- v. Keserasian parti komponen sebagai 'satu pasukan' selepas melalui sama ada perubahan kepimpinan ataupun rombakan pentadbiran Badan Perhubungan Negeri. Masa yang secukupnya perlu diberikan supaya tidak tergesa-gesa dalam menstabilkan keadaan dan perkukuhkan jentera di peringkat akar umbi. Di setiap kawasan peti undi, jentera BN (melibatkan kesemua parti komponen) bergerak bersama dalam satu struktur organisasi yang rapi, kemas, tersusun dan mantap.
- vi. Latihan kepimpinan untuk semua AP, ADUN, jentera parti bagi berhadapan dengan isu dengan maklumat yang secukupnya tanpa perlu menunggu dan defensif; didikan perang psikologi menyeluruh.
- vii. Kestabilan harus menjadi tema besar BN untuk memberi keyakinan bahawa kemuafakatan terpelihara seiring dengan jaminan sekuriti ekonomi dan sosial.
- viii. Hasil akhir gagasan besar kepimpinan Perdana Menteri: Konsep 1Malaysia, GTP, ETP, MEB, RMKe-10 dan NKRA.
- ix. Bagaimana untuk berfikir seperti pembangkang dan menangkis isu yang dibawa? Ini supaya ianya sebagaimana telahan/penilaian/analisis pembangkang ke atas pemikiran BN. Misalnya, jika BN dikatakan mengamal 'rasuah', bagaimana untuk meyakinkan pengundi sebaliknya; isu kedudukan PDRM; isu kesamarataan, keadilan; harga naik ataupun isu 'Ketuanan

Melayu vs Ketuanan Rakyat' untuk tidak mengulangi apa yang berlaku pada tahun 2008. Pengundi hari ini cerdik dan mempunyai pelbagai informasi.


- x. Ikatan dengan Badan/Organisasi/NGO/Dewan Perniagaan tempatan yang berpengaruh.
- xi. Gerakan di peringkat cawangan untuk memastikan golongan muda didaftar dan memberi penerangan untuk mempertahankan parti.
- xii. Edar CD untuk memantau rekod sendiri dan lawan [CD Hindraf pada tahun 2007-2008 meninggalkan impak besar ke atas etnik India].
- xiii. Ulama dalam UMNO perlu perjas sebarang penyelewengan atau ajaran songsang supaya umum mengetahui fahaman sebenar dalam UMNO mencari titik kesederhanaan antara Melayu ekstrim/liberal supaya sekurang-kurangnya 4% sokongan Melayu kembali ke BN.
- xiv. Bagaimana mencari titik keseimbangan antara Melayu dan bukan Melayu di bawah amalan konsep 1Malaysia.
- xv. Tahap keserasian dan kordinasi BN sebagai koalisi besar dengan menunjukkan selepas Konvensyen BN baru-baru ini, ia mampu menjadi mantap [konvensyen di peringkat negeri perlu disusuli dan dilancar di kawasan luar bandar untuk menunjukkan BN komited dengan sokongan kawasan seperti ini]. Ia boleh dilakukan ketika Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri menjelajah ke seluruh negara tahun hadapan.
- xvi. Memanipulasi perbalahan pimpinan PR terutama pertikaian polisi berunsur kaum dan agama serta perundangan [kegagalan menggunakan Common Policy Framework].
- xvii. Sehingga ke hari ini, PR tidak pernah menunjukkan agenda pembangunan yang lebih mapan dan cekap urus-tadbir serta memurnikan insaniah dari BN?. Ia boleh dikaitkan dengan isu 'Kabinet Bayangan' dan barisan Kabinet mereka yang tidak ditubuhkan.
- xviii. Isu hubungan antarabangsa dan pengiktirafan dunia ke atas kepimpinan Najib; lawatan Hillary Clinton dan Perdana Menteri Australia, Julian Gillard.
- xix. Isu legitimasi politik pentadbiran di negeri Perak yang diteruskan oleh pembangkang, berarak kepala lembu, pembakaran gereja, surau dan gudhware; penyelewengan PKNS dan Yayasan Selangor, pasir dan air di Selangor, pendidikan, kemiskinan bandar, kebajikan, tanah orang Melayu di Pulau Pinang, bayaran RM100 kepada warga emas dengan menggunakan wang kutipan judi, banjir di Kedah yang ditangani oleh kerajaan pusat, bukan Islam masuk ke surau/masjid, penggunaan perkataan 'Allah', dan Mohammad Nizar Jamaluddin hadir majlis menyalakan lilin bagi memperingati kematian Teoh Beng Hock yang dikritik oleh Dewan Ulama PAS, ketuanan Melayu, 'Anwar anugerah Tuhan', Tok Guru tidak bangga menjadi Melayu, kontrak sosial, pendatang, sekolah satu aliran, isu pertembungan Ronnie Liu dan Hassan Ali, Taib Mahmud di Sarawak, isu Kampung Buah Pala, kenaikan harga, jenayah, rasuah dan isu 'PM dan TPM PR'-Isu PRU13.
- xx. Buat persediaan awal memanipulasi rangkuman isu PRN Sarawak untuk menjana kekuatan; dan membina semangat serta keazaman ke arah PRU13 yang hanya boleh diadakan sekitar penghujung tahun 2011 ataupun separa pertama 2012.

Isu, pola sokongan dan cabaran perancangan dari saga PRK penting untuk memerihalkan pola tingkah laku pengundian yang terdiri dari pelbagai kelompok lapisan pengundi untuk PRU akan datang. PRU13 penting kerana ia juga akan menentukan masa depan BN, kepimpinan dan penyokongnya. Sejarah boleh berubah jika masih didokong oleh sindrom 'penafian' ataupun sebagaimana yang dinyatakan oleh Najib iaitu simpton terlalu lama berkuasa iaitu – khayal, lupa, jumud dan angkuh. Walaupun sokongan secara perlahan-lahan kembali kepada BN, pencapaian di PRK Galas dan Batu Sapi mahupun Tenang, Merlimau dan Kerbau tidak boleh dijadikan sebagai penanda aras dan Najib pasti mahukan satu keyakinan yang lebih tetap. Bacaan sokongan pengundi berbeza-beza mengikut kawasan majoriti Melayu, kawasan bercampur dan kawasan majoriti bukan Melayu baik di kawasan bandar mahupun luar bandar. Tafsiran kumpulan pemikir parti politik juga berbeza. Purata sokongan berdasarkan kepada PRK boleh dijadikan sebagai rujukan untuk melihat kecenderungan sokongan kepada BN (sila rujuk Rajah 24, 25 dan 26).


Rajah 24: Pola Pengundian Masyarakat Cina di PRK




Rajah 25: Pola Pengundian Masyarakat Melayu di PRK



Rajah 26: Pola Pengundian Masyarakat India di PRK



Ada yang berkecenderungan menganggap dengan 50% sokongan daripada pengundi Melayu di kawasan majoriti Melayu; 35% sokongan pengundi Melayu dikawasan campuran dan 84% sokongan pengundi bukan Melayu, PR dilihat kuat sedangkan perubahan sokongan pengundi Melayu ke 65% dan bukan Melayu 45% mampu meneruskan kesinambungan kerajaan yang ada.



Secara umumnya, dianggarkan 64% undi Melayu menyokong BN berbanding 56% dari undi kaum India dan 26% undi dari kaum Cina (sila rujuk Rajah 27). Jika sokongan orang bukan Melayu dapat ditingkatkan kepada 12% dan sokongan orang Melayu kekal, maka BN akan menang dengan meyakinkan yang juga bergantung kepada peratusan yang keluar mengundi. Apapun, isu terkini ketika pilihan raya diadakan acapkali menjadi kayu pengukur pengundian. Persediaan menyeluruh mampu menjadikan BN gagah semula jika sekiranya masing-masing mahu mengambil iktibar dan iltizam; kekuatan dan kelemahan serta cabaran yang perlu dilalui untuk terus kekal relevan pasca PRU13. Isu tempatan yang berterusan perlu ditangani bersama isu semasa.

Jika isu-isu yang dibincang di atas diselesaikan sebelum pilihan raya, maka gagasan di peringkat kebangsaan dan kenegerian boleh lebih meyakinkan pengundi. 'Politik Angka' adalah manifestasi ke atas usaha berterusan untuk meraih sokongan kerana akhirnya yang akan menentukan kejayaan ataupun kegagalan adalah menerusi bilangan kerusi yang dimenangi dalam pilihan raya. Keupayaan untuk manipulasi isu penting kerana pengundi akan melihat kepada kemampuan pihak yang bertanding meyakinkan pengundi terutama dalam kalangan 'pengundi atas pagar'.

Maka, parti mesti berani membuat keputusan dan mengambil risiko ke atas isu-isu yang dikemukakan oleh mana-mana pihak supaya dapat membina 'keyakinan' dan 'kepercayaan' dalam kalangan pengundi berdasarkan kepada pemikiran kreatif dalam manipulasi kerana '*politics is the art of the possible*' dan mengurus isu juga memerlukan keupayaan kreatif agar dapat mengatasi persepsi yang dibawa oleh pihak pembangkang untuk menentukan penguasaan ke atas isu-isu pilihan raya.

Article Submission

Sivamurugan A/L Pandian

Sent: Thursday, June 30, 2011 5:39 PM
To: najafpour8@yahoo.com
Attachments: Article protest voting 290~1.doc (48 KB)

Dear Professor Ghasem Najafpour,

Greetings. I am Sivamurugan Pandian from School of Social Sciences, Universiti Sains Malaysia; would like to submit my article to be considered as a journal publication for World Applied Sciences Journal; a paper completed under the Universiti Sains Malaysia Short Term Grant [304/PSOSIAL/638118].

Please find attached the full article for your kind perusal and do not hesitate to contact me if you need further information on the article.

Thanking you in advance and hope to hear from you soon.

Best regards,

siva

Associate Professor Sivamurugan Pandian
School of Social Sciences
Universiti Sains Malaysia
11800 USM
Penang, Malaysia.

Tel: +604 653 3394
Fax: +604 653 5380

* Artikel dihebat ke World Applied Sciences Journal C151, Scopus
untuk perbitan.

Post 2008 Malaysia's General Elections: A 'Protest Vote' Against Whom?

Sivamurugan Pandian
School of Social Sciences, Universiti Sains Malaysia, Malaysia
Email: psiva@usm.my

Abstract

The 'protest vote' theory by Hirschman (1970) and Barry (1974) indicates the emergence of a probability would occur when the entity of an organization or elections failed to place their trust, they would instead choose to 'be silent-and-exit'. Voters may opt to not cast their votes and with that, relinquish their power and right in choosing their leader. Both these writers consider the behaviour of the voters as being irrational. Edlin, Gelman and Kaplan (2007) ironically in their research proved that such behaviour among the voters was in fact a calculated action of rationality. Voters decided whether or not to cast their votes and their decisions were made in a rational manner despite having individual and respective 'social references'. This article intends to identify the situations in which protest voting exists and factors influencing the emergence of protest voting; with a focus on Permatang Pauh Parliament constituency, one of the 222 Parliament seats in Malaysia. The first part focuses on identifying the existence of protest voting in the Permatang Pauh Parliament through the percentage of voters who came out to cast their votes and the empirical data accumulated based on work during leisure time. The second part presents a discussion of factors identified and confirmed as the source of encouragement for the emergence of protest voting amongst the voters of Permatang Pauh.

Keywords: Protest Vote, General Elections, Malaysia, National Front (Barisan Nasional), People Coalition (Pakatan Rakyat), Voting Behaviour

Introduction

Protest voting refers to the negative reaction towards specific policies or the political party's 'natural' failure in comparison with the positive attractions towards other parties (Heath et. La, 1985). The emergence of protest voting is seen as somewhat of irrational behaviour, and instead reflects a loss of thrust and faith in party politics, being closely related to negative situations (Kang, 2004). Studies on protest voting are frequently being carried out on situations comprising of two dominating parties in an area, so much so that when voters decide to stage a protest voting, they automatically turn to a third party or a party of minority stature which had

previously received no form of support prior to this occasion. Voters attempt to move away from the fight between the two dominating parties by opting for the third party in the elections.

Nevertheless, protest voting is also apparent in a situation of solo domination by one single party. The election system which provides no advantage or opportunity to new parties in certain areas; the minority or new party is thus unable to compete with the traditional party (Kang, 2004). This is clearly obvious in Malaysia, whereby the domination of Barisan Nasional (BN), or National Front, since the nation's independence, has been difficult and almost impossible to penetrate let alone break. However, in the case of Permatang Pauh, Parti Keadilan Rakyat (PKR), or People's Justice Party, which was newly set up, displayed much capability in overthrowing BN since its debut in 1998. Clearly, there are factors underlying this victory, which require much research and evaluation by members of political sociology and political sciences.

This article intends to identify the situations in which protest voting exists and factors influencing the emergence of protest voting; with a focus on Permatang Pauh Parliament constituency, one of the 222 Parliament seats in Malaysia. It has no intentions to study the weaknesses or strengths of the elections system which influences the voters' choice, but instead is focused on the sociological aspect of protest voting. To achieve this objective, this article has been divided into two parts. The first part focuses on identifying the existence of protest voting in the Permatang Pauh Parliament through the percentage of voters who came out to cast their votes and the empirical data accumulated based on work during leisure time. The second part presents a discussion of factors identified and confirmed as the source of encouragement for the emergence of protest voting amongst the voters of Permatang Pauh.

The Existence of Protest Voting in the Permatang Pauh Area

This article will show that the voting patterns in Permatang Pauh is indeed a sign of objection and reaction of dissatisfaction amongst the people towards the ruling style and leadership of BN. There are two methods in proving this, the first being to refer to the percentage of those who came out to vote; and the second being the evidence of empirical data gathered during the leisure work was being carried out.

Since 1969, the Permatang Pauh Parliament had been governed by Parti Perikatan, or the Alliance Party, (which then became Barisan Nasional). Only in 1978, Parti Islam Se-Malaysia (PAS), or the Malaysian Islamic Party, through their candidate, Zabidi Ali, succeeded in clenching the win for the Permatang Pauh Parliament. However, in the election ensuing that, BN succeeded in reclaiming its power at the Permatang Pauh Parliament through the victory of Anwar Ibrahim, and this indirectly became his strong fort until he was imprisoned for the misuse of authority and power in 1998.

In 1999, Datin Seri Wan Azizah Wan Ismail took over the reins from her husband, Datuk Seri Anwar Ibrahim as her husband had been imprisoned. Wan Azizah obtained 23,820 votes compared to her opponent from UMNO, Datuk Dr Ibrahim Daad who received only 14,743 votes. Five years after that, Wan Azizah upheld her seat but with a smaller majority of 590. She received 21,373 votes compared to her opponent's 21,147 votes. In 2008, she defeated the ex-National Mosque Chief Cleric, Dato' Pirdaus Ismail, who was also the UMNO Youth Exco. The defeat was with a high majority of 13,388. Wan Azizah obtained 30,338 votes as opposed to Pirdaus who received merely 16,950 votes.

In 2004, the total number of registered voters in the Permatang Pauh Parliament was 58,459, and votes received were 38,563 (65.97%). The percentage of voters rose in 2008 with 82.06% casting their votes.

The increase in the percentage of those who came out to vote portrays a situation of protest which had been expressed rather openly through the elections. The analysis needs to focus on the hypothesis of current issues which has left many voters aloof while elections were well underway. This could be seen via issues of faith and trust towards the dominant party BN each time elections were held. Factors influencing the votes did not materialize when elections were going on, but rather a consequence or follow-up of events which had happened prior to the elections. Such events of national or local level require much analysis in order to provide an explanation of the increase in the number of voters who came out to vote and to find its link it with the emergence of protest voting. In fact, this explanation allows us the opportunity to re-evaluate the cause of such a wide gap of votes during the general elections in 2004 and 2008.

In 2004, the current issue at national level which attracted the voters' interest was the election of Tun Abdullah Haji Ahmad Badawi who had just been sworn in as Prime Minister in succession to Tun Mahathir Mohamad at that time. The clean image portrayed by Tun Abdullah alongside the concept of Islam Hadari forced the voters of Permatang Pauh to be on a 'sit-on-the-fence' situation, and thus causing them to express their feelings and opinions by not casting their votes. Although Tun Abdullah clean image was a plus factor for any leader, yet it was not enough to win back the trust and faith of the voters towards the party. Seeing no other choice - PKR with its own various problems; Anwar Ibrahim still in prison, Wan Azizah's leadership yet to be proven worthy, and the BN under the leadership of Tun Abdullah which had yet to be approved, the voters decided to not cast their votes (only 65.97% voted) and the difference in votes between PKR and BN was a mere 590 votes.

In accordance with the protest theory by Hirschman (1970) and Barry (1974), the emergence of a probability would occur when the entity of an organization or elections failed to place their trust, they would instead choose to 'be silent-and-exit'. In this situation, voters opted to not cast their votes and with that, relinquish their power and right in choosing their leader. Both these writers consider the behaviour of the voters as being irrational. However, Edlin, Gelman and Kaplan (2007) in their research proved that such behaviour among the voters was in fact a calculated action of rationality. Voters decided whether or not to cast their votes and their decisions were made in a rational manner despite having individual and respective 'social references'.

On the other hand, in 2008, when the percentage of voters increased to 82.6%, there is need to focus on the leadership crisis at national level which effected the private lives of the people in general, specifically the lives of the Permatang Pauh voters. During this year, Tun Abdullah had just submitted his resignation with various rumours and gossips surrounding the issues of corruption and misuse of power being the main attributions of his stepping down. Even though Datuk Seri Mohd Najib Tun Razak persevered in regaining the people's trust, his efforts were still of no avail. The Khairy Jamaludin issue, for instance, greatly influenced the voters of Permatang Pauh. 17% of the respondents stated this factor as one of the reasons they decided to partake in the protest voting. The economic factors such as the sudden surge in the price of goods, thus disrupting their daily lifestyle was also found to be another reason for the emergence of protest voting, with 27% voters listing this as their rationale in supporting the opposition. Alvarez, Nagler and Bowler (2000) based their study on how voters used the retrospective approach to evaluate the government's ability in handling the economic issues. This retrospective approach allowed voters to critically assess the steps and economic policies of the ruling party in coming to a conclusion during elections.

The range in percentage of voters who cast their votes showed a big difference between the years 2004 and 2008 respectively, portraying how a national current issue had great influence over the voters in Permatang Pauh. These two similar but unlike scenarios was the form of protest undertaken by the voters in line with the Hirschman theory. 2004 was the 'be-silent-exit' mode, whereas 2008 displayed the 'stay-with-voice' attitude instead. Both such scenarios clearly show that there was a process of deteriorating trust and faith amongst the voters towards the leadership of BN, yet it did not necessarily mean that the voters pledged full allegiance to PKR. Instead, it was more of a protest towards the dominant traditional party.

The influence of such profound issues in the 2004 and 2008 elections can be associated with the question of whether politics are to remain local or otherwise. Morgenstern and Swindle (2005) who based their studies on the relationship and link among the election system, candidate features, characteristics of a leader and federalism proved that issues at national level indeed had great effect and influence on the decisions made by the voters.

The second aspect which proved the existence of protest voting among the voters in the Permatang Pauh area was based on gathered empirical data. Anwar Ibrahim's charismatic factor had long faded within the thought of the voters. This was clearly proven amongst the research findings that based on gender only 2.0% of male respondents and 3.5% of female respondents chose Anwar Ibrahim as their main cause for their continuance in voting for PKR; based on ethnicity (Malay 4.0%; Chinese 0.7% and Indians 0.5%), based on age (21-31 years 0.5%; 32-41 years 3.0%; 42-51 years 0.8%; 52-61 years 0.7% and 62 years and above 0.5%).

This meagre percentage proved that Anwar Ibrahim's influence no longer formed a significant factor in having any effects on the voters.

This was in fact a clash and opposing stem with the public sentiments which looked upon Anwar Ibrahim as the de-facto leader in the opposition leadership. The emergence of protest voting can be simply proven with the percentages of gender, ethnicity and age in their voting categories as a sign of protest and their views that the BN leaders were filled with pride and arrogance. For instance, based on gender, 12.8% of male voters considered their votes as protest votes towards the leadership of BN, with 8.8% of female voters sharing the same opinion. The BN leaders were also recognised by the voters as being proud and arrogant (male 7.7%; female 7.2%). Then, based on ethnicity, 16.8% (Malay); 2.8% (Chinese) and 1.5% (Indian) stated that their votes were protest votes. As in the age category, those of 21-31 years (2.8%), 32 till 41 years (13.5%), 42 till 51 years (2.8%), 52 till 61 years (1.5%) and 62 years and above (1.0%) also confirmed that their votes were purely that of protest votes.

Factors of Influence on Voters' Preference

This section will provide a deeper explanation on the protest voting situation in the Permatang Pauh area. It will recognise and determine several dominant factors which influence the behaviour of the voters.

First, the weakness of the BN machinery. According to research findings, as many as 24% of residents of the same locality stated that the BN machinery was not functional. No doubt well-equipped with various facilities and capital, the issues at hand lacked in gaining the interest amongst the voters. This setback caused BN's directions as a dominant party in Malaysia to be questioned by the voters, with 54% believing in the assumption that BN would never succeed in regaining their seats lost in the 12th general elections. Ensuing BN's weakness in its machinery, this has given a plus point to the opposition alliances to pursue their efforts in usurping the

Permatang Pauh seat regardless of 55% of the respondents set on the opinion that the opposition alliance was not of strong coalition. The strength of Pakatan Rakyat (People's Alliance) during the 12th general elections was not due to the strength in its ideology of the fight for rights but instead due to the obvious weaknesses of BN. Grounding on the actions leading to the protest voting, it was the weakness of the BN machinery which led to the voters opting to not cast their votes for BN.

The disagreements and rough edges among the BN component parties were also seen as contributors to BN's weaknesses by the Permatang Pauh voters, with 77% voters considering this as a weakness which needed to be handled and overcome if the people's support was still required. If this was to persist, 54% of the respondents agreed that the people would continue to lose faith and trust in the BN. Although the grazing of politics and current political issues were still ongoing, only 30% of the respondents believed that the political situation was unstable, whereas a mere 14% were of the opinion that the people were living in a much tensed environment.

Furthermore, leadership factors also played an important role in influencing the voting pattern. BN's leadership under Tun Abdullah was found to be weak and failed in fulfilling the leadership features desired by the people. After succeeding Tun Dr Mahathir as the country's leader, the people attempted to make comparisons between Tun Abdullah and also Mahathir from the aspects of achievement, development, economy, and even self presentation of the leader himself. The residents of Permatang Pauh considered BN to be weak when faced with the 12th general elections and this brought about their decision to support the opposition instead. This was concurred by 53% of the respondents, whereas the remaining 47% simple stated that they voted for the opposition not due to the weaknesses of BN but perhaps due to fear of the strength possessed by the opposition itself.

Study results found that the main features desired by the residents of Permatang Pauh were of an individual with a kind and sincere behaviour and mannerism. 17% supported this factor. Besides that, 16% stated that a leader would have to possess and portray a self-image and family image which was good and sincere, as well as having religious sentiments. Other aspects respectively centred on 14% supporting a candidate of calibre, possessing strong leadership qualities as well as being part of a good, righteous and religious community.

A majority of today's leaders have failed to fulfil or possess all of the qualities desired by the people. This is clearly obvious with the constant misuse of power in hand so much so that it has brought about cases of bribery amongst the leaders involved. In this issue, 20% of the Permatang Pauh residents are of the opinion that most of the leaders today have used or are using to positions merely to boast and stylise themselves whilst 20% of the residents also concur that the issue of misuse of power has led to bribery within the leadership circle. The remaining 16% consider the practice of cronyism, 15% of the opinion that the leaders do not have the people at their hearts, 11% feel that the leaders have simply ignored the interest of the people, and 7%, 6% and 5% respectively are of the concept that leaders portray acts of arrogance and roughness amongst the public, a very laidback and 'fooling around' attitude, as well as unstable and insensitivity towards religious practices and beliefs. In this case, it cannot be denied that such features and qualities of a leader would be totally rejected as not only will they mar and destroy their own self image but if chosen as a leader, they will do doubt drag and drown the entire nation into their sea of negative aspects.

The leadership factor which influenced the voting pattern among the residents of Permatang Pauh can be clearly associated and seen that the aspects of values and personality of the candidate still maintain a vital role in voting. The aspects of ideology and fight for rights still

lacked great urgency, instead issues of personality, character and image have become the balancing scales in choosing a leader.

Conclusion

